

قَتِيقَن تِيَتَه

PETIKAN TITAH

"BETA melihat satu jalan keluar, malah satu harapan hanyalah pada pendidikan jua. Pendidikan sajalah yang mampu menguasai semua ini. Pendidikan merupakan alat terancang untuk mengatasi isu-isu yang kritikal dalam masyarakat."

- Titah di Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-13 pada 23 September 2003.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang membazir (yang membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' ayat 27).

TAHUN 58 / BILANGAN 117

30 SEPTEMBER 2013 / 1434 ذوالقعدة 24

EDISI ISNIN / PERCUMA



دولت كباو دولي توان قاتيق 67

15 JULAI 2013 DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



ASEAN SUMMIT 2013

9 HARI LAGI

Perkongsian sejagat Matlamat Pembangunan Milenium penting

Raja penyayang, disanjung rakyat



Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

Foto : Masri Osman dari New York, Amerika Syarikat

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) adalah perkongsian sejagat yang sangat penting.

DYTM selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersabda 13 tahun lalu di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah berjanji kepada rakyat untuk memenuhi harapan dan jangkaan mereka bagi kehidupan yang lebih baik.

DYTM bersabda demikian pada Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB di Ibu Pejabat PBB, New York di sini.

Inilah sebabnya jelas DYTM, Matlamat Pembangunan Milenium PBB menunjukkan bahawa kemajuan boleh dicapai jika bekerja bersama-sama di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Ke muka 12 & 13

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memotong kek yang disebarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi sempena Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-67. (Lagi berita dan gambar dimuatkan di dalam keluaran khas)

NBD sokong Palestin memiliki negara sendiri

KELUARAN KHAS

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

Foto : Masri Osman dari New York, Amerika Syarikat

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersabda menyampaikan sokongan Negara Brunei Darussalam bagi hak rakyat Palestin untuk

mempunyai negara sendiri yang masih belum tercapai.

Sabda DYTM, tarikh 29 November 2012 merupakan hari yang penuh bersejarah bagi Palestin apabila sebagai negara pemerhati di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dalam hal ini, DYTM sekali lagi ingin menyatakan sokongan bagi keahlian penuh Palestin serta perjuangan sah rakyat Palestin untuk mendapatkan semula hak terhadap negara mereka sendiri yang merdeka dan berdaulat.

DYTM bersabda menegaskan demikian di Perdebatan Umum



Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York, di sini.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 3

DPPW berangkat ke Mesyuarat ASEAN - AS dan OIC



Muka 6

ASEAN boleh capai matlamat sosio-budaya



SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-67

Guru berperanan hidupkan budaya gemarkan ilmu

*Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir
Rahmanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil
'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu
'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin
Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du*

BETA mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah inayah-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-23 pada hari ini.

Sesuai dengan tema pada tahun ini: 'Guru Berwawasan Penjana Modal Insan', wajarlah kita melihat warga pendidik itu sebagai kunci kejayaan negara dalam Wawasan Brunei 2035.

Memang tidak dapat disangkal lagi, bahawa guru memainkan peranan besar dalam melahirkan rakyat yang berpengetahuan lagi berkemahiran tinggi dan di sinilah kita dapat memahami betapa besarnya tanggungjawab seorang guru itu.

Kajian telah menunjukkan bahawa kualiti sesuatu sistem pendidikan tidaklah akan melebihi kualiti guru-gurunya sendiri. Lihatlah betapa hebatnya peranan guru itu di sini sebagai penaja kecemerlangan sesuatu sistem pendidikan.

Dalam perkara ini, Kerajaan beta akan terus komited untuk membuat pelaburan besar terhadap perkembangan profesionalisme para guru di negara ini.

Beta gembira mengikuti perkembangan pendidikan yang turut mengenal pasti usaha-usaha ke arah merealisasikan visi Kementerian Pendidikan. Beta juga difahamkan bahawa penubuhan Brunei Darussalam Teacher Academy (BDTA) adalah sangat membantu selain untuk mengembangkan lagi kemahiran-kemahiran fundamental para guru.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Guru Kali Ke-23 Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi pada hari Rabu, 25 September 2013, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Demikian juga melaluinya, akan membolehkan kita mengukur, sejauh mana tahap piawaian guru-guru di Brunei lebih profesional dan sistematik.

Pada dasarnya, apa pun bentuk perubahan atau inovasi dalam pembelajaran, tidaklah ada apa-apa sebarang halangan, dengan syarat, ia hendaklah terbit dari acuan berpaksikan MIB. Ini penting untuk menjadikan para guru itu mencapai 'kualiti tulen Brunei' yang sebenar-benarnya.

Beta gembira mengetahui bahawa salah satu perubahan yang signifikan ialah Progression Opportunities iaitu peluang latihan berterusan tanpa

mengkompromi kualiti dan piawaian. Program ini bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, sebagai langkah ke arah menghidupkan budaya gemarkan ilmu.

Ini juga menjadi salah satu tanggungjawab guru, iaitu menghidupkan budaya gemarkan ilmu di kalangan para murid dan pelajar mereka.

Apakah cara untuk kita menggemari ilmu dan sekaligus menjadi orang berilmu itu? Caranya, selain dari mengikuti pembelajaran formal, kita juga semestinya perlu menjadi orang-orang yang rajin membaca, khasnya para pelajar, guru-guru

dan ahli-ahli akademik. Apabila mereka menjadi peribadi-peribadi yang suka dan banyak membaca, maka barulah akan dapat ditunggu lahirnya tokoh-tokoh ilmuwan yang berkaliber lagi hebat, tanpa membaca, minda boleh saja layu dan miskin.

Kerana itu, kenal pasti perkara-perkara yang boleh memalingkan kita daripada ilmu dan daripada budaya membaca itu. Ilmu boleh saja hakis dan budaya membaca pun boleh juga mati apabila budaya lain menggantikannya, seperti budaya suka dan asyik bersantai dengan rancangan-rancangan yang mengasyikkan di televisyen, filem-filem dan sebagainya. Kalau ini tidak dibatasi, tamadun boleh runtuh dengan tidak disedari.

Beta turut meletakkan amanah kepada para guru, dan tidak terkecuali juga ibu bapa, supaya sama-sama menggandakan perhatian terhadap anak-anak di dalam semua aspek pembelajaran dan kegiatan-kegiatan mereka, supaya mereka selamat daripada budaya santai yang merosakkan.

Akhirnya, pada kesempatan ini beta ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini, semoga segala penat lelah yang mereka sumbangkan akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Demikian juga kepada penerima-penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, dan berharap anugerah ini akan menjadi penjana kepada kecemerlangan guru.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BETA gembira mengetahui bahawa salah satu perubahan yang signifikan ialah Progression Opportunities iaitu peluang latihan berterusan tanpa mengkompromi kualiti dan piawaian. Program ini bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, sebagai langkah ke arah menghidupkan budaya gemarkan ilmu.

Dari Sidang
Pengarang.

30 SEPTEMBER 2013 BERSAMAAN 1434 ذوالقعدة 24

PERKHIDMATAN AWAM GEMBLENG PATRIOTISME

29 September 2013 merupakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-20 pada tahun ini. Hari Perkhidmatan Awam merupakan hari yang istimewa bagi sekalian anggota Perkhidmatan Awam yang disambut pada setiap tahun sebagai menghargai sumbangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam di negara ini.

Bagi mencapai kemajuan yang dikehendaki negara tetap melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya ke arah pembangunan yang meluas dan menuju kejayaan selaras dengan pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara yang sudah membangun dan sedang membangun.

Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan yang dapat menjana kemajuan Perkhidmatan Awam yang boleh meningkatkan kemajuan dan prestasi kerja bagi kakitangan yang bertanggungjawab dalam sesuatu pekerjaan mereka. Salah satu kaedah yang tetap dilaksanakan di negara ini ialah Tekad Pemerdulian Orang Ramai (TPOR).

Perkhidmatan Awam yang terus berkembang dalam menani kemajuan mengikut peredaran zaman adalah pencapaian perkhidmatan yang dapat memajukan pentadbiran dan pengurusan yang terjalin di antara pihak kerajaan dan orang ramai. Melangkaui perkembangan di dalam sesuatu perkhidmatan yang diselenggarakan oleh kakitangan yang berkhidmat perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan bersemangat demi negara. Seperti mana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 pada 8 Syaaban 1424 Hijriah bersamaan 4 Oktober 2003 Masihi.

"Di antara tanda-tanda PATRIOTISME itu ialah terus bekerjasama dengan kerajaan di dalam memelihara keamanan dan keelokan negara. Memelihara keelokan itu ialah seperti tidak memugut, tidak membuang sampah merata-rata dan bersedia mematuhi semua peraturan."

Oleh sebab itu, semua warga Perkhidmatan Awam yang diberi mandat untuk memegang satu-satu jawatan dalam kerajaan, mestilah memikulnya dengan penuh rasa tanggungjawab kerana jawatan tersebut adalah amanah yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Hal ini jelaskan di dalam Al-Qur'an dalam Surah Al Anfaal ayat 27: Tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diamanahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahui." - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhamad,
Aryentyt Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Rani Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	25 °C	33 °C
MUARA		
33 °C	25 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	25 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
34 °C	25 °C	33 °C
PEKAN SERIA		
34 °C	25 °C	34 °C
KUALA BELAIT		
33 °C	25 °C	33 °C

Walaupun Bismillah
Sumber : Perkhidmatan Kajiucua Brunei Darussalam
Jabatan Penerbitan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 18887551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

DPPW berangkat ke Mesyuarat ASEAN - AS dan OIC

Laporan dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 27 September.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat menghadiri mesyuarat di antara Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Tuan Yang Terutama John Kerry.

Mesyuarat yang dihadiri oleh menteri-menteri luar daripada 10 buah negara ASEAN itu berlangsung di Hotel Waldorf-Astoria, di sini.

Hubungan ASEAN - AS telah berlangsung sejak tahun 1977 dengan memberikan keutamaan kepada kerjasama dalam bidang ekonomi dan pembangunan yang antara lain meliputi sektor komoditi, peluang-peluang pasaran, modal serta hubungan rakyat dengan rakyat (people-to-people contacts).

Sementara itu, ASEAN dan AS juga bersetuju memperkukuhkan kerjasama dalam bidang keselamatan siber, pendidikan, penyeludupan manusia, kesalinghubungan, di samping sistem ramalan cuaca.

Persetujuan itu dicapai pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-AS yang lepas di Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, pada sebelah petang Duli Yang Teramat Mulia

juga berkenan berangkat menghadiri Annual Coordination Meeting of the Organisation of Islamic Cooperation Foreign Ministers yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di sini.

Dalam mesyuarat itu, DYTMM antara lain bersabda mengenai peranan penting OIC dalam 'Post-2015 Development Agenda' PBB.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, berangkat menghadiri mesyuarat di antara Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Tuan Yang Terutama John Kerry.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika berangkat menghadiri mesyuarat di antara Menteri-Menteri Luar ASEAN (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berangkat menghadiri mesyuarat di antara Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Tuan Yang Terutama John Kerry (gambar bawah).



Pemenang Pertandingan Klip Video YSHHB terima hadiah

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 September. - Para pemenang Pertandingan Klip Video anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) diraikan pada Majlis Penyampaian Hadiah Klip Video 'Raja Yang Prihatin', bertempat di Dewan YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Bagi Kategori Terbuka Keagamaan, johan dimenangi oleh Visual Dimensions Production dengan klip video 'Islam Untuk Rakyat', manakala dalam Kategori Terbuka Pendidikan tempat pertama diraih oleh Awang Haji Alidin bin Haji Momin dengan klip video 'Raja Yang Prihatin'.

Dalam Kategori Terbuka Sosio-Ekonomi/Kemasyarakatan pula, johan disandang oleh Dayang Zatul Karamah binti Haji Tajudin dengan tajuk 'Kampung Bolkiah', manakala johan Kategori Penuntut-Penuntut Sekolah di peringkat Menengah Atas atau Tingkatan Enam dimenangi oleh Dayangku Syazana Syaffiqah binti Pengiran Md. Suffian dengan tajuk 'Surat Dari Aceh', manakala Kategori Penuntut-Penuntut Institut Pengajian Tinggi dimenangi oleh Dayang Nina binti Abd. Ghani bertajuk 'Generasi Al-Qur'an'.

Johan bagi Kategori Terbuka Keagamaan, Kategori Terbuka Pendidikan dan Kategori Terbuka Sosio-Ekonomi / Kemasyarakatan, membawa pulang wang tunai BND5,000, manakala tempat kedua bagi tiga kategori tersebut membawa pulang wang tunai sebanyak BND3,500, sementara tempat ketiga

menerima wang tunai sejumlah BND2,000.

Manakala johan bagi Kategori Penuntut-Penuntut Sekolah di peringkat Menengah Atas atau Tingkatan Enam dan Kategori Penuntut-Penuntut Institut Pengajian Tinggi membawa pulang wang tunai sebanyak BND3,000, tempat kedua mendapat BND2,000 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai sebanyak BND1,000.

Terdahulu, Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya berkata Pertandingan Klip Video ini julung-julung kalinya dianjurkan oleh YSHHB disokong bersama oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) sempena dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Pihak YSHHB, jelasnya, selaku pihak penganjur berbesar hati melihat kebolehan para peserta dalam menghasilkan karya dan kreativiti tersendiri mengikut beberapa kategori yang dipertandingan walaupun masih banyak ruang yang perlu diambil perhatian dalam memperbaiki kualiti klip video yang dihasilkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan hadiah kepada pemenang kedua salah satu kategori Pertandingan Klip Video yang dipertandingkan.

penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan tersebut semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri YSHHB 1434H / 2013M pada 27 Ogos lalu yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pertandingan Klip Video tersebut bertujuan untuk menanamkan semangat kasih kepada raja dan memupuk semangat patriotik dalam pembangunan bangsa dan negara selain menggalakkan mereka yang terlibat dalam bidang teknologi infokomunikasi untuk menonjolkan

kemahiran dan bakat dalam bidang ini bagi menjana kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Pertandingan yang dibukakan selama dua bulan bermula 8 Jun hingga 5 Ogos 2013 itu menentang tema 'Raja Yang Prihatin' dan dibahagikan kepada lima kategori.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin; penolong-penolong pengarah urusan YSHHB; pegawai-pegawai kanan AITI serta pegawai-pegawai dan kakitangan AITI.

Pelajar cemerlang UBD dianugerahkan pingat, hadiah buku



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Majlis UBD menyampaikan siji anugerah pingat kepada salah seorang penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Penganugerahan Pingat dan Hadiah Buku Universiti sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-25 merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan pihak universiti atas pencapaian dan kecemerlangan akademik yang diperolehi para graduan dan pelajar dalam bidang masing-masing.

Seramai 130 penerima terdiri dari seorang penerima anugerah Pingat Naib Canselor, tujuh penerima Pingat Perak Universiti, 102 Penerima Hadiah Buku, lapan Penerima Anugerah Cemerlang dan 12 graduan menerima Anugerah Kecemerlangan sumbangan daripada Brunei LNG Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah kepada para penerima di majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, di sini ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Majlis UBD.

Sementara itu, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, selaku Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam

ucapannya berharap pencapaian setakat ini akan dapat mendorong menjadi penyuntik semangat kepada semua penerima dan juga pelajar-pelajar lain untuk terus meningkatkan usaha dalam mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Menurutnya, pencapaian seperti inilah yang menjadikan mereka sebagai pelajar contoh UBD sambil menyarankan selain dari pencapaian akademik para pelajar perlu turut aktif dan cemerlang dalam kegiatan kokurikulum, di mana penglibatan para pelajar dalam kegiatan itu adalah mustahak untuk memberikan kemahiran insaniah dan membentuk mereka sebagai individu yang holistik.

"Teruslah menjadi individu yang cemerlang, berkualiti, berkemahiran, kreatif dan inovatif, berjaya dan berwawasan yang akan sentiasa memberi sokongan berterusan kepada pembangunan negara dan masyarakat amnya. Di setiap kejayaan yang abiskita perolehi itu, ianya juga merupakan kejayaan kepada kami di UBD," ujarnya.

Tambahnya, setentunya kejayaan itu juga turut membawa kegembiraan dan rasa syukur kepada para ibu bapa, penjaga serta keluarga masing-masing.

1,330 pelajar menerima anugerah Skim BPTV

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Seramai 1,330 pelajar menerima anugerah Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta Dalam Negeri (Skim BPTV) di bawah Sumber Dana Sumber Manusia berlangsung di Dewan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Lapangan Terbang Lama, di sini.

Bagi pengambilan kali kelima sesi September 2013 ini, peringkat pengajian yang paling ramai diikuti adalah Diploma seramai 427, peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) seramai 187 orang dan Peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) seramai 10 orang.

Skim BPTV ini telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khusus bagi pelajar yang berjaya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sejak Skim BPTV diperkenalkan pada Julai 2011, sejumlah 4,472 anak-anak tempatan telah dianugerahkan biasiswa ini, di mana dari jumlah ini, seramai 1,886 orang telah menamatkan pengajian mereka, manakala yang lain masih lagi mengikuti pengajian di pelbagai peringkat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia telah membelanjakan sejumlah BND20.5 juta setakat ini bagi membiayai skim berkenaan.

Penganugerahan biasiswa tersebut diharapkan akan dapat memberi peluang sekali lagi kepada anak-anak tempatan khususnya kepada lepasan peringkat 'O' dan 'A' untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sekaligus membolehkan mereka untuk meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan kursus nanti.

Pegawai Ekonomi, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajah Rina binti Haji Ghani ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, jumlah pelajar yang dianugerahkan Skim BPTV meningkat dari setahun ke setahun.

"Pada pengambilan kali ini, peringkat Diploma mencecah

jumlah pelajar yang tertinggi dengan 53 peratus, diikuti 32 peratus bagi Skill Certificate 3, Skill Certificate 2 dan International Certificate dan 14 peratus bagi peringkat HND, manakala Peringkat HNC sebanyak satu peratus sahaja," ujarnya.

Kepada pemohon yang berjaya menerima anugerah Skim BPTV beliau menasihati untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga memperolehi kelulusan yang cemerlang.

Sementara itu, salah seorang penerima, Dayang Nor Wafiah binti Haji Jolkepli, 20, melahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana telah terpilih menerima anugerah berkenaan.

Beliau berhasrat untuk terus berusaha dengan tekun dalam pembelajaran sehingga mendapat kecemerlangan nanti dan seterusnya di masa akan datang.



PEGAWAI dari JPKE ketika menerangkan syarat-syarat surat tawaran bagi Skim BPTV sesi September 2013 kepada salah seorang penerima.

Pesta Buah-Buahan Thailand tarik minat pengunjung

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 September. - Kedutaan Thailand di negara ini dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Thailand menganjurkan Pesta Buah-Buahan Thailand, di Pusat Membeli-Belah Times Square, Berakas, di sini.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar Hadir

menyempurnakan pelancaran pesta buah-buahan tersebut.

Pada pesta selama sehari itu, para pengunjung dipersembahkan dengan demonstrasi mengupas buah-buahan dan demonstrasi cara menyimpan buah-buahan dan mengekalkan kesegaran buah yang turut dipersembahkan oleh pihak penganjur.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Apichart Phetcharatana berkata, tujuan pesta tersebut adalah untuk mempromosikan buah-buahan negara berkenaan ke negara di seluruh dunia seperti Republik Rakyat China,

Jepun, Emiriah Arab Bersatu, Oman dan Negara Brunei Darussalam.

Menurut TYT, buah-buahan negara Thailand terkenal dengan rasa yang sangat baik dan kualiti buah-buahan tropika yang sihat, segar, tekstur yang baik dan beraroma.

TYT menambah, antara buah-buahan tempatan negara berkenaan terdiri daripada pelbagai jenis termasuk manggis, jambu, longan, longkong, mangga, pamel, asam jawa, epal dan buah kelapa.

Majlis turut dihadiri oleh diplomat-diplomat asing ke negara ini; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menerima cenderahati yang disampaikan oleh Jabatan Perkembangan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Kerjasama Thailand.

Peserta Anugerah CIPTA mulakan perjalanan inovasi

Oleh : Aimi Sani

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. – Seminar Eksekutif dan Bengkel CIPTA Pengiran Muda Mahkota dihasratkan untuk memberi bimbingan yang diperlukan bagi memulakan perjalanan inovasi peserta yang menyertai Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota pada bulan Mac 2013 lalu.

Seminar anjuran Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) berlangsung di Dewan Bahtera, Hotel Badi'ah, di sini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Pemangku Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman berkata tujuan utama seminar dan bengkel itu adalah untuk menjadikan pelabur atau pereka inovasi kepada usahawan dan seterusnya membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) untuk berkembang di negara ini.

"ITB melalui Unit Harta Intelektual dan Kerja Pengkomersialan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Pejabat Harta Intelek Negara Brunei Darussalam (BrulPO), iCentre dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) berganding bahu bagi menjayakan seminar dan bengkel



PEMBENTANGAN oleh Profesor Dr. Dong Ho Cho daripada KT Chair, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Institut Sains dan Teknologi Korea (KAIST) di Seminar Crown Prince CIPTA Executive Seminar - 'Invention to Commercialisation' yang dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

selama dua hari tersebut," jelas beliau.

Seminar bertemakan 'Invention to Commercialisation' itu tambahnya, juga bertujuan untuk memahami proses yang melibatkan perlindungan ciptaan atau inovasi, penulisan rancangan perniagaan, memulakan perniagaan dan bagaimana untuk mendapatkan pembiayaan.

Pengurus KT Jabatan Kejuruteraan Elektrik dari Institut Lanjutan Sains dan Teknologi Korea, Profesor Dr. Dong Ho Cho dan Penolong Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian Inovasi dan Inisiatif Baru BEDB, Daniel Leong Nyuk Ming menjadi penceramah jemputan.

Antara topik-topik yang akan disentuh pada seminar dan bengkel tersebut ialah 'Patent and Industrial

Protection in Brunei Darussalam', 'Filing an International Application – the PCT Route', 'Crowd Funding' dan sebagainya.

CIPTA 2013 bertujuan memberikan inspirasi kepada belia dan orang ramai untuk membangunkan produk kreatif, proses atau teknologi untuk aspirasi nasional dalam menggalakkan ciptaan dan inovasi di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, CIPTA 2013 juga bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan di samping mengiktiraf bakat kreatif dalam negara dan menggalakkan proses pembuatan dan teknologi pembangunan produk serta menerapkan budaya sains, kejuruteraan dan teknologi kepada belia dan orang awam.

Pesta Hijau, Agri Makanan meriahkan suasana perayaan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 21 September. - Pesta Hijau dan Agri Makanan kini sedang berlangsung di kawasan lapang berhadapan dengan kawasan Menara Cendera Kenangan (MCK), di sini.

Pesta selama 10 hari itu bermula kelmarin bagi meraikan dan memeriahkan sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun bagi Daerah Belait.

Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Awang Haji Ishak bin Haji Hanifah, selaku tetamu kehormat telah melancarkan pesta petang tadi yang menampilkan pelbagai jenis jualan bunga-bunga hidup serta bahan-bahan penanaman yang disertai oleh 74 peniaga kecil dan sederhana.

Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) antara agensi kerajaan yang turut memaparkan pameran dalam pesta tersebut.

Juga menyertai pameran ialah jualan hasil Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan kraf tangan serta pameran dan jualan kereta yang melibatkan empat penjual kereta di Daerah Belait.

Pesta yang dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia (JBKBS) dengan kerjasama JPA, Jabatan Perhutanan, Badan Kebajikan Sukan dan Sosial JBKBS dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Cawangan Belait itu bertujuan bagi memberi peluang kepada peniaga-peniaga bunga-bunga dan produk makanan menjual dan



PENGERUSI Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia (PLB), Haji Ishak bin Haji Hanifah ketika melancarkan Pesta Hijau dan Agri Makanan.

mengeksplotasikan hasil dan produk mereka kepada orang ramai.

Di samping itu, pesta juga bertujuan untuk menyemai sikap suka menanam bunga-bunga dan pokok-pokok bersesuaian kepada orang ramai demi menyerikan kawasan dan mencapai cita-cita menjaga keindahan alam sekitar.

Antara yang hadir dalam majlis pelancaran tersebut ialah Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan Pengerusi PBSM serta ahli-ahli persatuan.

Orang ramai dialu-alukan berkunjung ke pesta ini yang dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

ASEAN boleh capai matlamat sosio-budaya

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Khamis, 26 September. - Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN menyeru agar dimensi kemanusiaan yang akan dimasukkan ke dalam aktiviti-aktiviti serantau bagi memastikan faedah yang dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata ASEAN boleh mencapai matlamat sosio-budaya jika momentum beberapa tahun kebelakangan ini dikekalkan.

“Dalam proses tersebut, menggabungkan dimensi kemanusiaan dalam kerja-kerja kita yang meluas dalam integrasi dan pembangunan komuniti serantau akan memastikan pembangunan serta manfaat daripada integrasi ekonomi dapat dinikmati bersama dengan negara anggota dan rakyat kita,” ujar Yang Berhormat pada pembukaan Mesyuarat Ke-10 Majlis Peringkat Menteri Mesyuarat Majlis Sosio-Budaya ASEAN (ASCC-10), di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Yang Berhormat berkata, “Memperkasakan rakyat adalah termasuk dalam tema pada perjumpaan pertama majlis berkenaan yang telah diadakan

di Thailand pada tahun 2009 dan dalam tahun-tahun berikutnya, tema telah memberi tumpuan dari visi kepada tindakan, kedudukan ASEAN dalam masyarakat global dan bagaimana berkongsi satu matlamat.”

Yang Berhormat terus menekankan kepentingan kepada rakyat dan kemajuan serta pembangunannya yang mana juga mempunyai urutan yang sama dengan tema ASEAN tahun ini, 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama', yang meletakkan keutamaan dalam membina Komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat dan bertanggungjawab secara sosial.

Yang Berhormat seterusnya mengambil maklum akan tanda-tanda menggalakkan dari integrasi ekonomi ASEAN yang meningkat antara tahun 2000 dan 2011 sepertimana kadar rendah dalam kemiskinan dan jangka hayat yang lebih tinggi.

Pada masa yang sama jelasnya, kesihatan dan pendidikan telah meningkat bersama-sama dengan tahap keseluruhan pembangunan manusia.

Yang Berhormat turut memetik laporan Sistem Pemantauan Kemajuan Masyarakat ASEAN yang diterbitkan awal tahun ini yang menunjukkan bahawa purata bilangan tahun persekolahan lengkap golongan

dewasa di Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand meningkat daripada 7.5 tahun dalam tahun 2005 kepada 8 tahun pada 2010, manakala bagi Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam, purata meningkat 4.6 - 5 tahun dalam tempoh yang sama.

Menurut satu laporan oleh Bank Pembangunan Asia tentang kelas pertengahan yang semakin meningkat di rantau ini, perkembangan tersebut jelasnya juga termasuk dengan peningkatan kemakmuran.

Laporan itu, jelas Yang Berhormat menunjukkan bahawa Malaysia dan Thailand adalah antara lima negara dengan kelas pertengahan yang terbesar berdasarkan jumlah penduduk dalam kalangan 21 negara-negara ekonomi baru muncul di seluruh Asia.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, Viet Nam dan Indonesia adalah antara lima negara yang mencapai kemajuan yang besar di dalam meningkatkan bahagian kelas menengah antara tahun 1990 dan 2008, sementara Laos dan Kemboja adalah dalam kedudukan kesepuluh teratas.

Yang Berhormat kemudiannya menekankan bahawa tanggungjawab sosial memerlukan perlindungan sosial.

“Kita perlu memastikan bahawa masyarakat yang kita berikan iltizam juga tidak akan mengabaikan kebajikan mereka yang kurang bernasib baik,” jelas Yang Berhormat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berucap bagi merasmikan Mesyuarat Ke-10 Majlis Peringkat Menteri Mesyuarat Majlis Sosio-Budaya ASEAN (ASCC-10).

Di Asia Tenggara tambahnya, kita menyedari bahawa perlindungan sosial memerlukan pendekatan holistik, komitmen, bukan hanya dari sektor kerajaan, tetapi semua pihak yang berkepentingan, termasuk sektor swasta dan masyarakat sivil.

Yang Berhormat berkata, kita perlu memperkasakan kumpulan sasaran, terutama dalam bidang pendidikan, keusahawanan, membangunkan kemahiran insaniah dan menggalakkan tanggungjawab sosial korporat.

Pada masa yang sama jelasnya, aktiviti-aktiviti sosio-budaya di rantau ini juga menawarkan peluang-peluang unik untuk rakan-rakan dialog ASEAN, terutamanya Jepun dalam bidang belia dan Jerman dengan alam sekitar.

“Kerjasama ini dan rakan-rakan negara yang lain seperti China, Kesatuan Eropah, Republik Korea dan Amerika Syarikat, melalui aktiviti di bawah tanggungjawab sosio-budaya, membina hubungan yang penting antara budaya,” katanya.

Namun jelas Yang Berhormat, kita tidak lagi semata-mata bergantung kepada kepakaran dari luar rantau ini yang mana pada masa ini, kita mempunyai rangkaian profesional muda yang baru muncul dan pengusaha muda yang melakukan kerja-kerja sukarela penting dan perusahaan sosial.

“Sebahagian golongan-golongan muda ini boleh menjadi antara pemimpin masa depan rantau ini dalam dekad-dekad mencapai 2015,” kata Yang Berhormat.

Mesyuarat Majlis Sosio-Budaya ASEAN iaitu perhimpunan akhir ASEAN di bawah kepengerusan Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN pada tahun ini telah diadakan dua minggu menjelang Sidang Kemuncak ASEAN Ke - 23 pada 9 Oktober akan datang.

Majlis ASCC menyelaras tunggal ketiga Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara, manakala dua majlis komuniti lain menyelaras tunggal keselamatan politik dan ekonomi.

Meningkatkan profesionalisme dalam organisasi

Oleh : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Program Perkembangan Eksekutif (EDP) merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pertahanan sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

Setiasua Tetap Kementerian Pertahanan (Pentadbiran dan Kewangan) Datin Paduka Hajah Suriyah binti Haji Omar berkata, Kementerian Pertahanan menumpukan sejumlah besar sumber-sumber untuk melabur dalam membangunkan aset sumber manusia dan dalam meningkatkan profesionalisme di dalam organisasi.

Kerana itu tambahnya program tersebut memerlukan penyertaan yang aktif dan diharap agar para peserta kursus akan berkongsi beberapa pendekatan inovatif yang mereka telah cari di negara-negara masing-masing dan di organisasi mereka, di samping menggalakkan semua peserta untuk mengambil kesempatan ini untuk belajar daripada satu sama lain.

Datin Paduka Hajah Suriyah menegaskan persekitaran yang sentiasa berubah di sekeliling dibentuk oleh beberapa faktor dan faktor-faktor baru yang datang dengan peningkatan globalisasi dan perkembangan dalam era maklumat menambah kerumitan.

“Perubahan ini selalu berlaku pada kadar yang pesat, kadar yang organisasi perlu dapat menyaingi,” jelasnya semasa merasmikan Program Perkembangan Eksekutif Ke-10 bagi Pegawai-Pegawai Kanan 2013 di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategi Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bolkiah Garrison,

Beliau menegaskan keinginan yang kuat untuk berkembang, keterbukaan kepada idea-idea baru dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan selain meningkatkan kemahiran melalui pembelajaran



PEGAWAI-PEGAWAI Kanan Tentera berpangkat Leftenan Kolonel dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Tentera dari Filipina, Indonesia, Malaysia, Oman menyertai Program Perkembangan Eksekutif (EDP).

sepanjang hayat yang kini telah menjadi satu keperluan.

Program tiga bulan yang bermula pada 23 September 2013 hingga 20 Disember 2013 disertai oleh Pegawai-Pegawai Kanan Tentera berpangkat Leftenan Kolonel dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Tentera dari Filipina, Indonesia, Malaysia, Oman, Singapura, Thailand dan Viet Nam, Pegawai Kanan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pegawai-Pegawai Awam Kanan dari berbagai kementerian.

Kementerian pertahanan mendapat kerjasama dengan School of Social Science and Public Policy, King's Professional and Executive Education / Centre for Defence Studies, King's College London (KCL), bagi menganjurkan program tersebut yang direka bentuk dengan menumpukan khas kepada dasar awam dan pengurusan dan akan disampaikan oleh ahli-ahli akademik antarabangsa

yang mempunyai kepakaran yang luas serta berpengalaman dalam pelbagai bidang pembentukan dan pengurusan dasar awam.

Program tersebut bertujuan untuk memberikan peserta dengan konsep rangka kerja yang canggih dan terkini untuk kejayaan yang berterusan dalam perkhidmatan selain memberi peluang untuk meneroka tren dalam amalan pengurusan, mendapat perspektif baru mengenai dasar awam dan pengurusan serta meningkatkan kemahiran kepimpinan teras.

Hadir di majlis perasmian tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi ke negara ini, Atachi dan Penasihat Pertahanan negara-negara yang menyertai program, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, wakil-wakil dari King's College London dan para peserta program.

Bahagian Pasport JIPK tambah waktu perkhidmatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memaklumkan bahawa Bahagian Dokumen dan Perjalanan atau lebih dikenali dengan Bahagian Pasport di Ibu Pejabat, JIPK, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan dan Pejabat Cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan menambah waktu perkhidmatannya kepada orang ramai pada setiap hari Jumaat bermula pada 21 Zulkaedah 1434 Hijriah bersamaan 27 September 2013 Masihi hingga 6 Zulhijah 1434H bersamaan 11 Oktober 2013M mulai pukul 8.15 hingga 11.30 pagi.

Jabatan berkenaan menasihatkan orang ramai yang akan membuat perjalanan ke luar negara terutama semasa musim percutian sekolah yang melintasi pos-pos kawalan imigresen melalui jalan darat supaya akan merancang perjalanan mereka dengan bijak dan berhemah bagi mengelak perjalanan mereka terperangkap di deretan kenderaan yang panjang.

Waktu operasi bagi pos-pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh Daerah Belait, Labu dan Kompleks Pemeriksaan Ujung Jalan, Daerah Temburong akan bermula pukul 6.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari.

Untuk makluman bersama, sebahagian daripada laluan masuk di dalam Pos Kawalan Imigresen Labu ketika ini sedang menjalani kerja-kerja penaiktarafaan bagi pemeriksaan kenderaan berat, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD). Orang ramai yang berhasrat untuk melalui kawasan tersebut dinasihatkan supaya lebih berwaspada dan berhati-hati.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa memastikan setiap dokumen perjalanan atau pasport mereka sentiasa di dalam keadaan yang baik dan masih mempunyai tempoh sah laku yang dibenarkan bagi mengelakkan sebarang kerumitan semasa melakukan perjalanan.

Sementara mereka yang membuat urusan bagi penyambungan Pas Pelajar sama ada yang baru atau ingin memperbaharui supaya dapat menghadapi permohonan mereka ke Bahagian Visa, Lawatan dan Diplomati lebih awal.

Perkara ini bertujuan bagi mengelakkan daripada kesibukan semasa musim cuti penggal sekolah nanti di bahagian berkenaan.

Laporan Kajian Pelaksanaan Rangka Tindakan ASCC diluluskan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa Sidang Media Mesyuarat ASCC Kali Ke-10.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Khamis, 26 September – Dalam Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASEAN Socio-Cultural Community-ASCC) Kali Ke-10 meluluskan Laporan Kajian Separuh Penggal (Report of the Mid Term Review-MTR) Pelaksanaan Rangka Tindakan ASCC yang akan diguna pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23.

Kenyataan Bersama tersebut dibacakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada Sidang Media Mesyuarat ASCC Kali Ke-10 yang berlangsung di Indera Samudera Hall, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Dalam kenyataan bersama itu, para Menteri ASEAN menyatakan penghargaan kepada Kumpulan Kerja Kajian Separuh Penggal bagi Rangka Tindakan ASCC, termasuk Sekretariat ASEAN dan perunding serantau untuk semua kerja keras mereka dalam mengkaji semula Rangka Tindakan ASCC serta cadangan yang dibuat dalam MTR.

Menteri-Menteri ASEAN melahirkan penghargaan kepada negara ini dalam menguruskan dan menjalankan kajian serta menyediakan sokongan kewangan untuk penilaian serantau dan juga pembiayaan kepada Tabung Pembangunan ASEAN bagi aspek-aspek kebangsaan MTR.

Kenyataan itu juga menyatakan para menteri tersebut juga mengambil maklum mengenai matlamat utama ASCC adalah untuk menyumbang

kepada merealisasikan Komuniti ASEAN yang mengutamakan kepentingan rakyat dengan tujuan untuk mencapai perpaduan yang berkekalan dan perpaduan di kalangan negara dan rakyat ASEAN dengan menjalin dan mengenal pasti dan membina masyarakat penayang yang inklusif dan harmoni, di mana kesejahteraan, kehidupan dan kebajikan rakyat dipertingkatkan.

Dengan mengambil kira bidang utama tahun 2013, para Menteri ASEAN bersetuju pelbagai aktiviti yang dijalankan dan pencapaian yang dibuat di bawah Belia, Kebudayaan, Sukan, Pendidikan, Pengurusan Bencana dan Sektor Perubahan Iklim.

Di samping itu, kenyataan tersebut juga menyatakan, Menteri-Menteri ASEAN menyatakan penghargaan mereka kepada badan-badan sektor tersebut bagi usaha dalam mempercepatkan matlamat yang dinyatakan dalam Rangka Tindakan ASCC serta memudahkan wawasan

Komuniti ASEAN melalui inisiatif sektor.

Sehubungan itu, Menteri-Menteri ASEAN mengakui pelbagai Kenyataan Bersama yang dihasilkan oleh beberapa mesyuarat Menteri-Menteri ASCC pada tahun 2013 seperti berikut: Kenyataan Bersama Peringkat Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-8 Mengenai Belia; Deklarasi Bandar Seri Begawan pada bagi Keusahawanan dan Sukarelawan Belia; Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-8 dalam Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (ASEAN Ministerial Meeting on Rural Development and Poverty-AMRDPE); Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-8 Mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development-AMMSWD) dan Kenyataan Bersama mengenai Pelaksanaan Penggunaan Lestari dan Pengeluaran dalam ASEAN, Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri ASEAN Ke-14 dalam Alam Sekitar (Implementation of Sustainable Consumption and Procustion in ASEAN IAMME).

Para Menteri ASEAN juga berpuas hati dengan usaha yang dipergiatkan di kalangan negara-negara anggota ASEAN untuk bekerjasama dalam pelbagai sektor mengenai pelbagai isu, dan melalui peningkatan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam proses seperti yang ditunjukkan oleh Deklarasi ASEAN mengenai Perlindungan Sosial, serta dalam mempromosikan kesedaran ASEAN, seperti yang ditunjukkan oleh Korps Profesional Sukarelawan Muda ASEAN (ASEAN Young Professionals Volunteers Corps-AYPVC) dan Program Sukarelawan Belia ASEAN (ASEAN Youth Volunteers Programme-AYVP). Dalam pada itu, kenyataan tersebut turut menggariskan mengenai

sokongan Majlis ASCC kepada Perjanjian Mesyuarat Tidak Rasmi IAMME Ke-14 untuk mencadangkan kepada para pemimpin ASEAN untuk menerima pakai Sistem Pemantauan Jerebu Sub-Serantau ASEAN (Haze Monitoring System-HMS) sebagai sistem pemantauan jerebu bersama di kalangan negara-negara MSC, dengan penggunaan peta digital tanah dan konsesi peta kawasan mudah terbakar yang menyebabkan jerebu merentas sempadan untuk dikongsi bersama secara dasar Kerajaan-ke-Kerajaan (Government-to-Government).

Majlis ASCC menyokong perjanjian IAMME Ke-14 untuk mengambil tindakan segera berdasarkan keputusan pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 pada bulan Oktober 2013.

Di akhir kenyataan itu menyatakan, selain Laporan MTR Pelaksanaan Rangka Tindakan ASCC, Menteri-Menteri ASEAN juga meluluskan dokumen hasil dari pelbagai badan-badan sektor untuk dikemukakan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 untuk diterima pakai dan makluman Pemimpin-Pemimpin ASEAN.

Senarai dokumen untuk diterima pakai jelasnya, adalah Deklarasi Bandar Seri Begawan Mengenai Keusahawanan Belia dan Pekerjaan; Deklarasi Mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita dan Penghapusan Keganasan Terhadap Kanak-Kanak ASEAN; Deklarasi ASEAN Mengenai Memperkukuhkan Perlindungan Masyarakat; Deklarasi Bandar Seri Begawan bagi Penyakit Tidak Berjangkit ASEAN dan Deklarasi ASEAN dalam Meningkatkan Kerjasama bagi Pengurusan Bencana.

Dokumen untuk diambil maklum ialah Pendidikan Laporan ASEAN; Pelan II Kerjasama Alam Sekitar ASEAN-China (2014-2015) dan Rangka Kerja Kerjasama ASEAN - China dalam Industri dan Teknologi Alam Sekitar.

Laporan Kajian MTR guna pakai di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Khamis, 26 September. – Laporan Kajian Separuh Penggal Rangka Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (Report of the Mid Term Review of the ASEAN Socio-Cultural Community - MTR) akan diguna pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-23 yang akan diadakan pada bulan Oktober ini.

Sekretariat Agung ASEAN, Puan Yang Terutama, Puan Alicia Dela Rosa Bala yang mewakili negara-negara ASEAN melahirkan penghargaan kepada Kumpulan Kerja MTR Rangka Tindakan ASCC dan konsultan serantau di atas kerja keras mereka dalam mengkaji Rangka Tindakan ASCC dan juga cadangan-cadangan yang dibuat pada MTR itu.

“Saya ingin merakamkan penghargaan kepada negara ini kerana berjaya dalam menguruskan Media Mesyuarat Menteri-Menteri

Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASEAN Socio-Cultural Community - ASCC) Kali Ke-10,” ujar PYT pada Sidang Media ASCC Kali Ke-10 di Indera Samudera Hall, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Puan Yang Terutama menjelaskan, Negara Brunei Darussalam bersama-sama para pemimpin ASEAN yang lain telah mengguna pakai Rangka Tindakan ASCC sejak tahun 2009.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan bagi sokongan kewangan pada analisis serantau bagi mengetahui berapa banyak rangka tindakan yang masih akan dijalankan sebelum Komuniti ASEAN ditubuhkan pada tahun 2015.

Menyentuh mengenai Rangka Kerja Kerjasama ASEAN - Republik Rakyat China dalam Industri dan Teknologi Alam Sekitar iaitu salah satu dokumen untuk diambil maklum bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23.

Jelas PYT, kerjasama tersebut bagi mengukuhkan pertukaran dan kerjasama dalam industri alam sekitar, termasuk kerjasama dalam teknologi mesra alam, pelabelan alam sekitar dan pengeluaran yang lebih bersih, untuk menyokong usaha ASEAN dan republik berkenaan dalam meningkatkan pembangunan hijau dan alam sekitar.

Selain itu, ianya juga memperkukuhkan pertukaran dialog dalam perlindungan alam sekitar di bandar dan luar bandar, di samping untuk melaksanakan projek-projek demonstrasi mengenai kerjasama dalam persekitaran bandar dan luar bandar untuk meningkatkan kualiti alam sekitar yang tinggal di rantau ini seperti menjalankan kursus bersama latihan, penyelidikan bersama, program pertukaran kakitangan.

ASEAN dan Republik Rakyat China memberi perhatian yang besar kepada perlindungan alam sekitar, salah satu bidang keutamaan di bawah rangka kerjasama ASEAN-Republik berkenaan.

Pada bulan November 2007, Perdana Menteri republik tersebut, Tuan Yang Terutama Wen Jiabao menyatakan bahawa negara berkenaan bersedia untuk menubuhkan Kerjasama Alam Sekitar ASEAN-Republik Rakyat China.

Tuan Yang Terutama mencadangkan bahawa ASEAN dan negara tersebut akan bersama-sama membangunkan strategi mengenai kerjasama alam sekitar dan menggalakkan kerjasama yang berkaitan.

Sementara itu, hala tuju Cha-am Hua Hin bagi Komuniti ASEAN 2009-2015 diguna pakai oleh pemimpin-pemimpin ASEAN yang menekankan konsep pembangunan lestari, termasuk kemampanan alam sekitar, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial, dan

kepentingan pragmatik menggalakkan kerjasama alam sekitar serantau.

Pada bulan Oktober 2009, ASEAN dan negara berkenaan bersama-sama dan mengamalkan ‘Strategi Kerjasama Perlindungan Alam Sekitar ASEAN-Republik Rakyat China 2009-2015’, yang menyediakan asas bagi ASEAN dan republik tersebut untuk menggalakkan memperkukuhkan kerjasama terhadap alam sekitar.

Berdasarkan Rangka Tindakan Komuniti ASEAN dan Kerjasama Alam Sekitar di antara ASEAN dan negara tersebut, strategi yang dikenal pasti bidang-bidang berikut keutamaan kerjasama iaitu Kesedaran Awam dan Pendidikan Alam Sekitar; Menggalakkan teknologi mesra alam; Pelabelan alam sekitar dan pengeluaran yang lebih bersih; Biodiversiti pemuliharaan; Pengurusan alam sekitar pembinaan kapasiti; Isu alam sekitar global; dan Promosi industri alam sekitar, dan dicadangkan untuk merangka pelan tindakan untuk terus melaksanakan strategi.

Majlis Doa Kesyukuran Jubli Emas WI

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi
Haji Duraman

JERUDONG, Khamis, 19 September. - Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhannya bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Lebih 200 orang terdiri daripada ahli-ahli WI dari keempat-empat daerah, persatuan-persatuan yang bergabung dengan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) dan beberapa buah persatuan wanita di negara ini serta para pegawai kanan wanita dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan



HADIR selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sukan hadir pada majlis tersebut.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah memulakan majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan doa

kesyukuran serta Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis seumpama ini adalah sebagai pembuka tirai bermulanya acara Sambutan Jubli Emas WI.

Sumbangan derma khairat

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



KETUA Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait (PHEU), Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu menyerahkan sumbangan khairat sebagai ucapan takziah di atas kepergian ahli keluarga mereka.

KUALA BELAIT, Sabtu, 21 September. - Seramai 10 orang guru ugama di bawah Jabatan Pengajian Islam (JPI) terdiri ibu, ayah, isteri dan suami mereka yang telah kembali ke rahmatullah telah menerima sumbangan khairat sebagai ucapan takziah di atas kepergian ahli keluarga mereka.

Sumbangan derma khairat itu disumbangkan oleh Badan Kebajikan Pegawai-Pegawai dan Guru-Guru Ugama Daerah Belait (BKPGUDB) dan Badan Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dan Bahagian-Bahagian di bawahnya.

Tetamu Kehormat, Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait (PHEU), Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu menyampaikan sumbangan pada Majlis Solat Sunat Hajat dan Doa Khas, Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Penyampaian Sumbangan Khairat berlangsung di Surau Sekolah Arab Belait, Jalan Dipa Negara Kampung Mumong, di sini.

Majlis dianjurkan oleh BKPGUDB dan dikendalikan oleh Pengerusi Bahagian Khairat bersama semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi sebagai satu aktiviti Badan Kebajikan Sesi

2013-2015.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat berjemaah dan Doa Khas diimankan oleh Pengerusi Bahagian Khairat, Ustaz Haji Noor Azhar bin Haji Harith yang juga mengepalai membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Majlis bertujuan memohon kesejahteraan dan keselamatan bagi semua guru-guru ugama Daerah Belait yang terdiri daripada Ahli-Ahli Badan Kebajikan, di samping sebagai satu aktiviti yang berunsur kebajikan yang bermanfaat bagi memberi kesedaran semua, di samping menanamkan kepada ahli-ahli untuk mengingati saudara Islam yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis juga menerapkan ahli-ahli supaya beramal dan membentuk sahsiah dan personaliti ahli-ahli yang prihatin dan berkomitmen serta menjalin silaturahim dalam kalangan ahli-ahli.

BKPGUDB ditubuhkan sejak tahun 2005 bertanggungjawab dalam memperkembangkan dan mendedahkan setiap ahli melalui aktiviti sosial, masyarakat, keagamaan, kebajikan dan pendidikan yang berorientasikan kepada ajaran Islam.

Tujuan penubuhan badan sebagai

wakil atau agen pegawai-pegawai dan guru-guru ugama Daerah Belait untuk menyalurkan sebarang sumbangan yang berkebakikan dengan tujuan mendapat pahala atau amal jariah bagi membantu pihak yang berhak menerima bantuan.

Ia juga memberi sumbangan atau bantuan bagi perkara suka duka ahli badan tersebut dan memberi pendedahan kepada ahli-ahli dalam aktiviti yang memperkembangkan pengetahuan atau pengalaman dalam perkembangan profesionalisme serta mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai dan guru-guru dalam bekerjasama mengukuhkan sebarang kegiatan yang dirancang oleh badan tersebut.

Antara acara tahunan badan tersebut termasuk Majlis Khatam Al-Qur'an bagi semua ahli badan berkenaan, Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya atau Hari Keluarga, Majlis Penyampaian Sumbangan kepada ahli-ahli badan seperti persaraan atau perkahwinan dan acara Sukan Ria.

Antara aktiviti yang dijadualkan akan diadakan tahun ini antaranya sukan larian dan berlari, Projek Amal Bersamamu dan Hari Keluarga Warga JPI.

Derma darah bantu sesama insan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SUNGAI LIANG, Jumaat, 20 September. - Unit Pendermaan Darah, Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait telah mengutip 90 pain darah melalui Kempen Derma Darah.

Lebih 120 orang terdiri daripada kakitangan Syarikat



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Daud bin Haji Jais meninjau kempen pendermaan darah.

JAPEM sumbangkan kerusi roda

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan

TEMBURONG, Sabtu, 14 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menghulurkan bantuan berupa sebuah kerusi roda kepada seorang warga emas daripada Orang Berkeperluan Khas yang memerlukan bantuan di daerah ini.

Pengajar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas, JAPEM, Awang Haji Zanie bin Haji Tarih menyerahkan bantuan kepada Awang Sitom bin Batong berlangsung di kediamannya di Kampung Amo 'A', Mukim Amo, di sini.

Beliau mengalami kesukaran berdiri dan berjalan setelah terlibat dalam satu kemalangan beberapa tahun lalu.

Bantuan tersebut akan memudahkan lagi pergerakan Awang Sitom yang sebelum ini terpaksa bergantung kepada kerusi roda yang semakin uzur yang sebelum ini juga diterimanya daripada pihak JAPEM.

Bahagian Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas, JAPEM telah memainkan peranan dalam memberikan bantuan peralatan-peralatan Orang Berkeperluan Khas seperti kerusi roda, tongkat putih, alat bantu dengar, jam tangan dan peralatan-peralatan lain yang khusus untuk Orang Berkeperluan Khas dan yang berkelayakan menerima.



AWANG Sitom bin Batong melahirkan rasa syukur dan terima kasih atas sumbangan kerusi roda dari Bahagian Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Brunei Metanol Sendirian Berhad (BMC), kontraktor, anggota Batalion Ketiga Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), anggota Bomba dan Penyelamat SPARK dan Sungai Liang dan masyarakat Mukim Liang Lumut telah tampil untuk mendermakan darah mereka di Kempen Derma Darah yang bermula dari jam 8.15pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 3.30 petang di Dewan Serbaguna SPARK, di sini.

Kempen anjuran BMC dengan kerjasama Perkhidmatan Makmal, HSSB telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Daud bin Haji Jais, yang juga menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang menjayakan kempen tersebut.

Kempen pertama kali dianjurkan oleh BMC sebagai salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada tahun ini.

Awang Daud yang juga turut mendermakan darah, ketika ditemui memberitahu bahawa kempen dihasratkan untuk memberi bantuan bekalan darah kepada Unit Tabung Simpanan Darah di negara ini dan menolong menyelamatkan nyawa masyarakat terutama pesakit yang memerlukan bantuan darah.

Beliau berharap inisiatif CSR ini akan diteruskan dari tahun ke setahun dan lebih ramai lagi akan tampil ke hadapan untuk mendermakan darah mereka sebagai tanda keprihatinan sesama insan.

Program Pertukaran Lawatan Delegasi Media Thailand

Tingkatkan kerjasama maklumat dan media cetak



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika bertukar-tukar cenderahati bersama pegawai Jabatan Perhubungan Awam Thailand yang melawat ke Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 September. - Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Thailand terus mengukuhkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama dan antara yang menjadi perhatian kedua-dua belah pihak ialah bidang maklumat dan media cetak.

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah menerima lima orang pegawai Jabatan Perhubungan Awam Thailand.

Rombongan terdiri daripada Pegawai Perhubungan, Puan Praphaisri Ketsawa, selaku Ketua Rombongan; Pegawai Penerangan Kanan, Puan Nitiyaporn Hirrannimol; Pegawai Penerangan, Nalintip

Kachasumrit; Pegawai Media, Phatompong Kaewbandit dan Pegawai Visual Audio, Supot Kamsiwet.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dalam ucapannya menjelaskan, pelbagai program dan aktiviti dalam bidang maklumat telah berjaya dilaksanakan sejak menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 16 Ogos 2001, di samping mengadakan Lawatan Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Cetak, Pertukaran Penerbitan, Program Pertukaran Kandungan Media melalui Internet dan Program Pameran Bersama.

Mengimbas kembali secara keseluruhan, katanya, program-program kerjasama di bawah MoU terus membawa rakyat lebih dekat, bukan sahaja dalam kerjasama antara kerajaan kedua-dua buah negara, tetapi yang lebih penting ianya telah membawa masyarakat bersama-sama ke tahap yang selamat apabila berada di kedua-dua buah negara ini.

Melalui program lawatan pertukaran lima hari ini, jelasnya, rombongan berpeluang mengadakan lawatan ke beberapa Jabatan-Jabatan Kerajaan dan tempat-tempat menarik di Negara

Brunei Darussalam, di samping mempunyai peluang keemasan untuk menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-67 Tahun.

Beliau seterusnya menambah, Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini ditugaskan untuk memimpin Jawatankuasa Media dan Publisiti yang bertanggungjawab untuk menjaga media tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, peranan ini amat penting dalam memastikan pihak media menyampaikan mesej dan maklumat yang betul mengenai ASEAN kepada rakyat jelata bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 dan yang berkaitan.

Pada lawatan tersebut, rombongan

juga diberi taklimat ringkas mengenai sejarah, perkhidmatan dan produksi Jabatan Penerangan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya diikuti dengan lawatan ke Unit Penerbitan Bahasa Inggeris dan Bahagian PELITA BRUNEI.

Rombongan kemudian diberikan jamuan makan tengah hari yang dikendalikan oleh Unit Bahagian Pentadbiran, Unit Kewangan dan Unit Bahagian Latihan dan Penyelidikan, Jabatan Penerangan, bertempat di Restoran I Lotus, Kampung Rimba.

Program Pertukaran Lawatan tahunan ini merupakan salah satu projek di bawah MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Thailand dalam bidang maklumat dan penyiaran.

Ianya bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman Pegawai Penerangan dan kakitangan media dengan mempelajari tentang publisiti dan program promosi negara tuan rumah.

Lawatan ke Radio Televisyen Brunei

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 September. - Delegasi Program Pertukaran Brunei-Thailand yang diketuai oleh Pegawai Perhubungan



dari Jabatan Perhubungan Awam, Thailand, Praphaisri Ketsawa meneruskan lawatan mereka ke Radio Televisyen Brunei (RTB), di ibu negara, di sini.

Ketibaan rombongan delegasi di Bilik Mesyuarat Iltizam, RTB dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Timbalan Pengarah RTB, Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abd. Razak.

Semasa lawatan, para delegasi diberikan beberapa taklimat mengenai RTB yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Dayang Siti Alizah binti Haji Bagol.

Dalam taklimat tersebut, beliau menyatakan mengenai visi RTB iaitu Menjadi Organisasi Media Yang Utama dan Dinamik Dalam

PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu mengalu-alukan ketibaan delegasi di Bilik Mesyuarat Iltizam, RTB.



PARA pegawai Jabatan Perhubungan Awam Thailand diberikan penerangan semasa melawat ke Bahagian PELITA BRUNEI.

Pembangunan Negara (To Be A Premier and Dynamic Media Organization in Nation Building) dan misinya iaitu Membentuk Masyarakat Yang Bermaklumat dan Berpengetahuan Melalui Rancangan-Rancangan Yang Berkualiti (To Develop Well Informed and Knowledgeable Society Through Quality Programmes).

Beliau juga menghuraikan mengenai struktur organisasi, channel televisyen dan radio, hubungan Memorandum Persefahaman (MoU)

di antara RTB dengan MediaCorp, Republik Singapura, NBT, Thailand dan sebagainya.

Selepas itu, para delegasi dibawa melawat dan meninjau lebih dekat lagi ke Balai Berita, Studio 1 bagi menyaksikan rakaman Sukan TV dan ke studio-studio radio.

Dalam salasilah RTB, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan merasmikan Stesen Radio Brunei pada 2 Syawal 1376 Hijriah bersamaan 2 Mei 1957 Masihi jam 7.45 malam.

Majlis Makan Malam raikan delegasi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 September. - Lima pegawai Jabatan Perhubungan Awam Thailand yang menyertai Program Pertukaran Lawatan Pegawai Penerangan dan Media Cetak diraikan pada Majlis Makan Malam yang berlangsung di Tarindak D'Seni, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, di sini.

Hadir pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Madam Siriporn Chaimongkol, selaku wakil Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke

negara ini serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis Makan Malam tersebut diberikan oleh unit-unit di bawah Pejabat Pengarah Penerangan.

Program Pertukaran Lawatan ini berlangsung selama lima hari bermula 27 September hingga 1 Oktober depan.

Antara tempat-tempat yang dikunjungi oleh rombongan berkenaan ialah Jabatan Penerangan, Radio Televisyen Brunei (RTB), Kementerian Pertahanan, Pusat Promosi Kesihatan, Pusat Media Antarabangsa di Pusat

Persidangan Antarabangsa dan sebagainya.

Di samping itu, rombongan juga berpeluang menyertai Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-67 Tahun di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

PEGAWAI Jabatan Perhubungan Awam Thailand yang mengikuti Program Pertukaran Lawatan ke negara ini ketika diraikan pada Majlis Makan Malam.



Membarigakan pengibaran bendera, Lagu Kebangsaan pada masyarakat pedalaman



PEGAWAI Penerangan, Awang Khairulhadi bin Haji Mukhtadir selaku wakil Pemangku Pengarah Penerangan menyampaikan cenderahati kepada Pemangku Guru Besar Sekolah Rendah Melilas, Cikgu Jeffry bin Maharip.

Rencana dan Foto : Noraisah Muhammed

PEMASANGAN bendera yang betul adalah menjadi kewajiban kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Lazimnya pemasangan bendera ini dibuat sempena menjelang Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, yang mana seluruh rakyat di negara ini tidak kira kawasan bandar mahupun pedalaman mengibarkan bendera, di rumah kediaman masing-masing, premis-premis perniagaan dan bangunan-bangunan kerajaan.

Selain pemasangan bendera yang betul, kita juga perlu menghayati maksud Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan.'

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat orang-orang perseorangan yang tidak mengibarkan bendera



PEGAWAI serta kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Belait bergambar ramai bersama murid-murid serta tenaga pengajar Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian Sukang Ulu Belait.

negara di kediaman mereka, malah sesetengah pelajar dan penduduk yang tinggal di luar bandar juga tidak mengetahui betapa pentingnya bendera dan Lagu Kebangsaan kepada rakyat dan negara.

Berdasarkan pengamatan sedemikian, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Belait telah mengambil langkah positif dengan mengadakan program taklimat kenegaraan dengan membarigakan tentang kepentingan bendera dan Lagu Kebangsaan dengan membuat pendekatan serta penerangan di sekolah-sekolah rendah di luar bandar.

MEMBARIGAKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

Rombongan Jabatan Penerangan Cawangan Belait telah memilih untuk menuju ke Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian Sukang Ulu Belait selain menjemput Sekolah Rendah Melilas untuk hadir sama pada acara tersebut.

Ketika itu, rombongan diketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Khairulhadi bin Haji Mukhtadir sebagai wakil Pemangku Pengarah Jabatan Penerangan. Pendekatan pertama itu direalisasikan dengan kerjasama padu dari kedua belah

pihak.

Perjalanan jauh ke pedalaman bukanlah halangan untuk sampai ke destinasi. Kedatangan rombongan telah dialu-alukan oleh Guru Kanan Pentadbiran Cikgu Azrolnizam bin Azari dan guru-guru serta kakitangan Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian Sukang Ulu Belait.

Menurut Awang Khairulhadi, maklumat mengenai bendera bukan hanya dibarigakan kepada penduduk bandar malah ianya sangat penting untuk penduduk di luar bandar. Oleh yang demikian, pendekatan ke sekolah pedalaman merupakan sasaran yang perlu bagi menyalurkan maklumat bersesuaian.

Beliau menjelaskan program taklimat kenegaraan seumpama ini merupakan satu pendekatan yang paling baik. Dengan menyalurkan ilmu pengetahuan kepada murid-murid, secara tidak langsung ia juga dapat memberikan pendedahan pengetahuan kepada masyarakat setempat. Menurut beliau, jika mengikut sistem piramid, ilmu jika ianya diberi kepada seseorang, nescaya ilmu itu akan diceritakan kepada tiga orang sahabatnya (Multiple factor).

"Saya percaya apabila murid-murid itu pulang ke rumah, pasti mereka akan menceritakan lagi ilmu yang diperolehinya hari ini kepada kedua ibu bapanya mengenai waktu-waktu yang diarahkan untuk menaikkan serta menurunkan bendera dan pentingnya penghayatan pada Lagu Kebangsaan negara kita," jelas beliau.

Beliau menambah, pemeliharaan bendera juga perlu dalam keadaan yang baik. Selain itu pendedahan pada usia kecil akan menjadikan mereka lebih patriotik terhadap negara dan penghayatan Lagu Kebangsaan.

Taklimat mengenai bendera disampaikan oleh Awang Rafa'ee Ya'akub yang antara lain menyatakan bendera adalah lambang identiti sesebuah negara dan bangsa, lambang kesepakatan dan perpaduan sesuatu bangsa yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan

dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara-negara di dunia.

Menurutnya lagi, kesedaran menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu disemai sejak daripada pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat cintakan negara dan raja dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Sementara acara kuiz mengenai bendera dan Lagu Kebangsaan juga diadakan dan bagi murid-murid yang berjaya menjawab soalan ketika diajukan, mereka telah diberi cenderahati berupa lencana dan mug yang ber lambang bendera negara.

Acara program taklimat mengenai bendera dan Lagu Kebangsaan ini dihasratkan dapat menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab kitani mengibarkan bendera negara dan menghormati Lagu Kebangsaan semasa hari-hari kebesaran dengan mematuhi aturan-aturan dalam tempoh jangka masa yang ditetapkan.

Program ini bertujuan untuk mendukung, menyokong dan membantu usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dalam sama-sama menggalakkan rakyat dan penduduk mengibarkan bendera negara dengan betul dan menyanyikan Lagu Kebangsaan dengan sempurna.

Selain itu, ianya juga dapat menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk mengenai peranan dan tanggungjawab kitani menaikkan dan mengibarkan bendera negara semasa hari-hari kebesaran negara.

Program adalah bagi menggalakkan dan membudayakan amalan pengibaran bendera negara dalam kalangan rakyat serta menggalakkan rakyat dan penduduk untuk mengibarkan bendera dan menyanyikan Lagu Kebangsaan dengan lebih bersemangat dan patriotik.



AWANG Rafa'ae bin Ya'akub ketika menyampaikan taklimat mengenai tatacara pemakaian bendera yang betul.



BANGGA sambil tersenyum melihatkan lencana yang diperolehi kerana berjaya menjawab soalan kuiz.



هاري فرخدماتن عوام سبسيدي كراجان

واهي قوم مسلمين يڄ درحمتي الله،

ماريله ڪيت منيڱڪن ڪٽوڻ ڪٽ ڪٽ الله سبحانه وتعالى دڄن
ڦٽو ڪيڙين دان ڪڙاڻن دڄن ملاڪون سڪل سوروهن دان
منيڱڪن سڪل لاراڻن. مدهمدهن ڪيت منجادي انسان يڄ يرتقوى
دان پرايمان سرت سلامت دنيا دان سلامت دآخرة.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

ڪيت برشكور ڪٽ الله سبحانه وتعالى ڪران منجاديڪن ڪيت
سباڳي رعية دان ڦٽوڊوق نڪارا بروني دارالسلام يڄ هيدوف دالم
ڪاڊان امان، دامي دان تنوام، جاوه دري ڪاجاو يلاو دان سباڳين.
سموا اين اداله برڪه دان رحمة الله سبحانه وتعالى دأٽس سڪل اوسها يڄ
ڪيت سموا لاکون دالم محاجون دان منستاييلڪن ڪامانن نڪارا اين
سماد مريڪ يڄ بڪرج سجارا ڦرندرين، سيڪور سواستا دان جوڳ
مريڪ يڄ بڪرج دڄن ڪراجان يڄ لڀه ڊڪٽلي سباڳي ورڪا فرخدماتن
عوام.

فرخدمتن عوام اداله اينستيتوسي ڦٽيڻ يڄ برڦران سباڳي جنڙا
ڦٽڪر يڄ بون سهاج باڳي ڦروڪريم ۲ ڦمياڻون بهڪن جوڳ سڪل
داسر دان ڦراٽون ڪراجان باڳي مڦرتيڱڪن ڪواليني ڪهيدوفن دان
ڪسجهڙان رعية دان نڪارا.

اوله سبب ايت، سموا ورڪا فرخدماتن عوام يڄ ڊبري مندت انتوق ممڪڻ
ساتو ۲ جواتن دالم ڪراجان، مستيله ميمڪون دڄن ڦٽو راس تڱوڄوڄوڄو
ڪران جواتن ترسبوت اداله امانه يڄ ڊبريڪن اوله الله سبحانه وتعالى ڪٽ
ڪيت. حال اين ڊجسڪن دالم القرآن دالم سورة الانفال آية ۲۷:
تفسير:

واهي اورغ ۲ يڄ پرايمان! ڄاڻله ڪامو مڄياني الله دان رسولن
دان ڄاڻله ڪامو مڄياني امانه ۲ يڄ ڊامانهڪن ڪٽ ڪٽ ڪٽ ڪٽ ڪٽ ڪٽ
مڄياني.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

سبڱوڄوڄوڄو اڪام اسلام مڄيانيڪن اومتن سڦاي براخلاق مليا سڦرت
برصقة جوڳور، صبر، تابه، برسوفن ستون دان سباڳين، سرت ملاڻ
درفد براخلاق بوروق سڦرت خيانه، حسد دڄي، تيدق مڄياني اورغ
لاين، بردوستا، منيڱو، ڦجه امانه، مڄيانيڪن ڊبري سندري دان لائين ۲
لاڳي. جسڙو، سڦي اينديڊيو تراوتام مريڪ يڄ برخدمه دالم فرخدماتن
عوام هندله مڄيانيڪن دان مڄيانيڪي نيلاي ۲ موري يڄ تله ڊڪاريڪن اوله
اسلام دان ڦراٽون ۲ يڄ تله ڊڪاريڪن اوله ڪراجان.

انتوق منجائي متلامه ڪرج ڄرلڻ مڪ ڪيت هندله مڄياني
ايتيڪا دان ڪاريس ڦٽو ڄارا بڪرج دالم اسلام، اٽاران ڪيت هندله
منجاديڪن سسوات ڦڪراجان ايت دڄن نية سباڳي عباده سڦاي سڦي
ڦڪراجان يڄ ڪيت لاکون ايت مندافه ڪيرڪن دان مندافه ڦهلا درفد
الله سبحانه وتعالى. مڪ باڳي منجائي توجوان ترسبوت، ڪرج هندله
دلاڪون دڄن اخلاص، جوڳور، امانه، بيڄسسان، ڄڪڦ دان ستيتاس
بڪرجسام سسام ڦڪرج ڦٽلان ڪران دڄن مڄيانيڪي صقة ۲ ترسبوت سوده
ڦسڻي سموا ڦڪراجان اڪن برڄالن دڄن تراٽور دان لنجر.

سباڳين ڄڪ سسوات ڦڪراجان ايت دلاڪون تنفا ڪڙاڻن اتو اد
دڄن توجوان ۲ يڄ لائين دالم ملڪسانڪن توڪس ترسبوت، مڪ اڀان بوله
ساج مڄيانيڪن سسورغ ايت مڄيانيڪن دان منجويڪن توڪس دان امانه يڄ
دڄرتڱوڄوڄوڄو، بهڪن سڱوڦ برپوهو دالم منجاليڪن توڪس. اينله
عقيبه ڄڪ ڪرج ايت تيدق ڊڄاديڪن عباده، بڪرج تيدق دسرتاي دڄن نية
اخلاص ڪران الله سبحانه وتعالى، ڪرس هاتي دان مڄيانيڪن ڊبري سندري
دان تيدق برمينت ترهادف توڪس. مڪ يڄ ڊمڪين ايت بوله ساج منيمبولڪن
برباڳي ۲ ڪپوروقن دان مساله سسام ڦڪرج اتو مڄيانيڪن يڄ سروسن اڪن
منجسڪن ڦراڊوان، ڦرستاسي دان ڦروڊقيتي ڪرج دان سباڳين.

سسڱوڄوڄو سباڳي ۲ ڦڪرج ايت اڀاله اورغ ڦڪوت ڪٽ الله
سبحانه وتعالى، برصقة امانه، بوله دڄرڄياني دان مڄيانيڪي ڪمڦوان سرت
برتڱوڄوڄوڄو. دالم بڪرج ڦسڻي باڳي تڱوڄوڄوڄو يڄ اڪن ڊڄيڪول دان
دلقسانڪن. اين ترماسوق جوڳ ڦڪارا ۲ رهسيا يڄ مسڻي ڊڄاڳ
ڪرهسيان. اورغ ڦڪوت تيدق جوڳور سوده ڦسڻي اڪن منجسڪن سسوات
ڦٽديڄان، يڄ اُخرن اڪن مڄاوا پنجان دان منداتڪن مساله ڪٽ ڪٽ نڪارا.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

دالم فرخدمتن عوام، برساتو ڦادو دان بڪرجسام اداله ڦرلو ڪران اي
بوله ملاهريڪن سواسان ڪرج يڄ ڪميرا دان هرموني، ماله اي جوڳ دافه
منيڱڪن ڦرسڦهم دان مڄيانيڪن هويوڄن صله الرحم. ڪرج يڄ برت اڪن
منجادي ريڄن دان دافه دسڦرناڪن دڄن ڄڦه، ڦڦه دان برڪسن سرت دافه
مڄيانيڪن عناصير ۲ يڄ تيدق باڳي، سباڳيان حديث رسول الله صلى الله
عليه وسلم يڄ ڊروايتڪن اوله امام البخاري:

عَنْ عُمَرَ بْنِ هَانِيٍّ: أَلَّهُ سَمِعَ مُعَاوِيَةَ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَا يُؤَالُ مِنْ أُمَّتِي أُمَّةٌ قَائِمَةٌ بِأَمْرِ اللَّهِ مَا يَضُرُّهُمْ مِنْ كَذِبِهِمْ
وَلَا مِنْ خَالَفِهِمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ عَلَى ذَلِكَ.

مقصودن:

درفد عمر بن هاني، سبڱوڄوڄو ڊي مندر معاوية برڪات: اڪو
مندري نبي صلى الله عليه وسلم برسېدا: ستيتاسله دري اومتڪو منڱڪن
ڦرته الله (تولوغ منولوغ دأٽس ڪيران)، مريڪ تيدق دافه دتواسڪن
اوله اورغ ۲ يڄ جوبا منيڱو مريڪ دان اورغ ڦڪوت ايتڙين مڄاڪلڪن مريڪ
سهيڱله هاري قيامة دان مريڪ برحق ڪاٽس ايت (تيدق دافه دتواسڪن).

اوله ايت، ڪيت سباڳي ڦڪاوي دان ڪاڪيڻان فرخدمتن عوام هندله
مبولڪن تيدق دان عزم سرت نية انتوق ستيتاس برساتو ڦادو سرت مڄيانيڪي
صقة يڄ ترفوجي اڪر ڪيت دافه مريالياسيڪن ڪجمرلڻ دان ڪماجوان
دالم فرخدمتن عوام يڄ اُخرن اڪن منجاديڪن نڪارا ڪيت امان دان معمور.

اهل جمعة يقدرحمتي الله،

ڪيت بڪرج منجاري رزقي يڄ حلال سماد دسيڪور عوام، سيڪور
سواستا اتو ڦرندرين اداله انتوق ممنوي ڪڦرلوان دان تنوتن اساسي دالم
منجالي ڪهيدوفن دنيا اين. ڪڦرلوان دان تنوتن اساسي ترسبوت اداله
سڦرت ماڪن مينوم، ڦڦه تيشڪل، ڦڪاين، ڪنڊران دان سباڳين. سموا ايت
مڄوڪن ڪوس ڦرلنجان يڄ باڳي. ڪران ايت ڪراجان ڪباوه دولي يڄ مها
مليا ڦادڪ سري بڪندا سلطان دان يڄ ڦرتوان نڪارا بروني دارالسلام
تله مڄيانيڪن سبسيدي ڪٽ سبهاڪن ڪڦرلوان اساسي ترسبوت اڪر رعية دان
ڦٽوڊوق دڪارا اين دافه منجاليڪي ڪهيدوفن دڄن لڀه باڳي، ترجمان دان
هرموني.

سبسيدي مرفاڪن بتوان ڪراجان ڪٽ رعية باڳي مريڱڪن
ڦرلنجان يڄ دتڱوڄوڄو اوله مريڪ خاصن باڳي يڄ مڄيانيڪي ڦٽاڻن يڄ رنده.
سبسيدي يڄ ڊبريڪن مڄيانيڪن ڪيت مڄو انتوق مڄياني سسوات ايت دڄن
هرڪ يڄ رنده دان ڦراٽون. ڪٽهويله بهوا ڪراجان تله مڄيانيڪن ڪاواڻن
يڄ باڳي باڳي منمڱو ڪوس سبسيدي ترسبوت. ڦرڪارا مڄياني سبسيدي
اين يڄ تله دتڱوڄوڄو اوله ڪباوه دولي يڄ مها مليا ڦادڪ سري بڪندا سلطان
دان يڄ ڦرتوان نڪارا بروني دارالسلام سمڦنا سمڦون هاري ڪڙان بڪندا يڄ
ڪ ۶۷ تاهون، دمان اٽارا لائين بڪندا مڄيانيڪن بهوا منوروت ستيتاسيڪن،
سبسيدي باڳي مڄياني ڦد تاهون ۲۰۱۱ اداله ڪپرا ۲۱ ليم راتوس جوتا
ريڱيڪي. ڪراجان نڪارا ڪيت بون هان مڄيانيڪن سبسيدي ڪٽ
ڪوموڊيني مڪان اساسي سڦرت برس، ڪولا دان سباڳين، تٽاي جوڳ
مليڦوتي ڦرومهن، ڦروبانن، ڦنديڦين، مڄياني، اير، ايتريڪ دان ساومڦامن.

ڪيت ساعه برشكور ڪران ڦيڱ ڪراجان مڄيانيڪن سبسيدي ڪٽ
رعية دان ڦٽوڊوق دڪارا اين سهيڱ ڪيت دافه منعماتي ڪهيدوفن يڄ
لڀه باڳي دان سمڦرنا. سباڳي تندا شڪور دان ترما ڪاسيه، ڪيت هندله
منمڱڪن ڪرنا دان بتوان ترسبوت دڄن برسيڪڻ ڄيمنت جرمة دان
برلنجا سجارا برهيمه. سيڪڻ ترسبوت بون سهاج دافه
منمڱڪن ڦرلنجان ڪيت بهڪن جوڳ دافه منمڱڪن ڪاواڻن نڪارا.
ڦرلنجان يڄ بيڄق دان سدرهان دافه مڄيانيڪن ڦمڊين.

سسڱوڄوڄو ڦمڊين اداله عمان شيطان دان اورغ ۲ يڄ مڄيانيڪي ايت اداله
سودارا ۲ شيطان، سباڳيان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الاسراء آية
۲۷:
تفسير:

سسڱوڄوڄو اورغ ۲ يڄ مڄيانيڪي (يڄ مڄيانيڪن هرت ڦد ڄالن يڄ
ساله) ايت اداله سودارا ۲ شيطان، دان شيطان ايت اداله ساعه ڪڦور ڪٽ
توهن.

ڪيت دڪارا اين ساعه براونوڄ ڪران مندافه ڦنديڦين دان ڦروبانن
سجارا ڦرجوما. ڪراجان مڄيانيڪن ڪاواڻن يڄ باڳي مڄيانيڪن
ڪمودهن ترسبوت انتوق دنعماتي اوله ڪيت. اوله ايت ڪيت هندله
منمڱڪن ڪمودهن ترسبوت دڄن سباڳين ۵۲، سڦرت بلاجر دڄن
برسڱوڄو ۲ دان منڄاڳ ڪسيڄن دڄن باڳي. جوبا ڪيت باڳيڪن ڄڪ تيد
بتوان ڊبريڪن دالم ڦنديڦين دان ڦروبانن اوله ڪراجان، سوده تنو ڪيت
ترڦسا مڄيانيڪي هرت يڄ تيشڪي انتوق بلاجر دان برويه.

مسلمين يڄ درحمتي الله،

دڄن ادان ڪمودهن دان سبسيدي يڄ دسڊياڪن اوله ڪراجان اين سوده
سواجرن ڪيت سلاڪو رعية دان ڦٽوڊوق دڪارا اين مڄيانيڪن سوڪوڄن دان
دوڪوڄن يڄ ڦادو سڦاي ڦرايڪونومين دڪارا ڪيت دافه برڪمڄ دڄن باڳي دان
ماجو ايت دڄن مڄيانيڪن سيڪڻ برسردهان دان برلنجا مڄيانيڪي
ڪمڦوان. اُخرين سام ۲له ڪيت بردعاء سموڪ الله سبحانه وتعالى مليڦهڪن
ڪاٽس ڪيت دان نڪارا ڪيت دڄن رحمة دان برڪه سرت رزقي يڄ باڳي
سهيڱ ڪيت دافه هيدوف دالم ڪاڊان امان دان هرموني. آمين يا رب العالمين.

{ سورة الفرقان آية: ۶۷ }

تفسير:

دان مريڪ يڄ اُڻيل مڄيانيڪن هرت، مريڪ تيدق برلبي ۲هه دان تيدق
جوڳ مڄيانيڪن سباڳين ڦرلنجان مريڪ ايت اداله سدرهان دأٽارا ڪنڊان.



Berkenan hadir Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Masri Osman
dari New York, Amerika Syarikat

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT,

Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman di Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Ibu

Pejabat PBB, New York di sini.

Berangkat sama ke Perdebatan Umum ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Turut berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Semasa berangkat menghadiri Perhimpunan Agung tersebut,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan mengurniakan sabda.

Dalam sabda tersebut, Duli Yang Teramat Mulia antara lain mengurniakan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. John Ashe atas pelantikan beliau sebagai Presiden Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB dan juga merakamkan ucapan penghargaan kepada Mantan Presiden Perhimpunan itu, Tuan Yang Terutama Vuk Jeremic, di atas usaha dan sumbangan beliau sepanjang tahun lalu.

DYTM seterusnya mengurniakan ucapan takziah kepada kerajaan dan rakyat Kenya serta keluarga mangsa serangan

penganas di negara itu baru-baru ini dan bersabda bahawa tindakan sedemikian selayaknya dikutuk.

DYTM seterusnya mengurniakan ucapan simpati yang mendalam kepada mereka yang terjejas oleh gempa bumi di Pakistan baru-baru ini.

Negara Brunei Darussalam menganggotai PBB sejak mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 dan seterusnya turut memainkan peranan yang penting di arena antarabangsa.

Beberapa dekat yang lalu peranan dan penglibatan negara kita terus berkembang dan terserlah dengan memikul tanggungjawab bersama-sama masyarakat antarabangsa terutama dalam mewujudkan keamanan dunia global.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan sabda di Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York (kanan).

Perkongsi secepat Matlamat Pembangunan Milenium penting

Dari muka 1

Dalam sabda DYTM juga menyampaikan ucapan penghargaan kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon dan mantan Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Kofi Annan di atas sokongan dan komitmen yang diberikan oleh agensi-agensi PBB untuk merealisasikan inisiatif yang bersejarah ini.

DYTM seterusnya berpendapat bahawa tema bagi Perdebatan Umum tahun ini adalah bersesuaian iaitu 'Agenda Pembangunan Post-2015 : Mewujudkan 'Suasana' yang mempunyai fokus terhadap mewujudkan suasana dan menambah bahawa Negara Brunei Darussalam mendapat banyak pengetahuan daripada pengalaman dalam melaksanakan MDGs tersebut.

DYTM seterusnya berpendapat bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai Wawasan Negara 2035 yang menyediakan hala tuju bagi mencapai ekonomi yang dinamik dan mapan bagi kepentingan rakyat.

Ke arah itu, sabda DYTM yakin bahawa penekanan utama ialah dalam membantu generasi muda bagi merealisasikan harapan mereka.

"Kita telah melaksanakan dengan menyediakan pendidikan berkualiti, menggalakkan inovasi dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Kita juga berusaha membantu negara-negara sedang membangun sama ada secara dua hala atau sebagai rakan kongsi negara dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam pembangunan sumber tenaga manusia, menawarkan biasiswa untuk belajar di Negara Brunei Darussalam serta memberikan latihan di bawah program mendekati masyarakat

di dalam rantau ini. Kita berharap pendekatan rakyat kepada rakyat ini akan mempromosikan pertukaran kebudayaan dan persefahaman," jelas dalam sabda DYTM.

DYTM seterusnya bersabda bahawa usaha-usaha serantau dalam ASEAN adalah bagi mencapai Komuniti ASEAN pada tahun 2015 dan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ASEAN telah memilih tema 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' yang menunjukkan peranan rakyat dalam usaha membina Komuniti ASEAN.

"Negara-Negara Ahli ASEAN adalah digalakkan untuk merangka rancangan selepas 2015 bagi memperkukuhkan lagi misi mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran. ASEAN juga akan terus bekerjasama dalam meletakkan kedudukan pertubuhan itu secara strategik di rantau yang lebih luas dan di dunia secara amnya," sabda DYTM lagi.

DYTM dalam sabdanya juga mengalu-alukan lawatan TYT Ban Ki-moon ke Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-5 yang akan datang ini dan berharap lawatan tersebut akan memberikan peluang



untuk berkongsi pandangan dan pengalaman ke arah memperkukuhkan lagi kerjasama di antara ASEAN dengan PBB.

DULI Yang Teramat Mulia berangkat bersama Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon ke Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB, bertempat di Ibu Pejabat PBB, New York (atas).

DPMMD adakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung PBB

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, berkenan berangkat menghadiri mesyuarat dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon.

Mesyuarat berlangsung di Ibu Pejabat PBB, di sini. Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon dalam perjumpaan itu, antara lain membincangkan perkara-perkara mengenai inisiatif-inisiatif PBB bagi meningkatkan kerjasama di



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menghadiri mesyuarat dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Ban Ki-moon.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lembaran, sempena keberangkatan DYTM ke Ibu Pejabat PBB.

kalangan negara-negara ahli dalam menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa yang mempunyai kepentingan kepada Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat juga membincangkan hal ehwal serantau dan antarabangsa, termasuk hubungan antara ASEAN dan PBB. Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ke mesyuarat tersebut ialah Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB di New York, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat di Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York (gambar kiri sekali). Sementara gambar kiri berangkat sama di perdebatan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(A)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(a) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG
SEDANG BERKHIDMAT DI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN 38 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Memenuhi syarat-syarat lain yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
BAHAGIAN IT DAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)
ATAU
KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

a. TANGGAGAJI KUMPULAN 2:

i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Teknologi Maklumat / Pentadbiran Perniagaan atau bidang bersesuaian.

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dalam tanggungaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

b. TANGGAGAJI KUMPULAN 3:

i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Teknologi Maklumat / Pentadbiran Perniagaan atau bidang bersesuaian.

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I dalam tanggungaji B.3 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

iii) Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua (2) kertas kerja yang asli (original) yang memuatkan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua (2) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:

- Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam
- Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri
- Kertas Penggubalan/Penelitian Dasar
- Laporan Tahunan Jabatan
- Penyediaan Peruntukan Jabatan
- Kertas kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing

Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

c. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN:

1. Bertanggungjawab kepada Timbalan Setiausaha Tetap selaku *Overall Government Chief Information Officer*.

2. Membuat penyelidikan dan cadangan pembentukan dasar yang berkaitan dengan e-Kerajaan.

3. Bertanggungjawab dalam hal ehwal perhubungan antarabangsa yang berkaitan dengan IT dan e-Kerajaan.

4. Memantau pelaksanaan pelan Strategik e-Kerajaan selaras dengan matlamat sasaran jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang serta menyediakan laporan kemajuan.

5. Memantau hala tuju dan pelaksanaan perkhidmatan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan.

6. Melaksanakan kerja-kerja dan tugas-tugas sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**2. PENOLONG SETIAUSAHA
PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pentadbiran Awam / Pengurusan / Pentadbiran / *Human Resource Management* (HRM) / Komputer atau bidang bersesuaian.

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Kerja atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG SETIAUSAHA:

1. Bertanggungjawab kepada Penolong Kanan Setiausaha dan Pegawai-Pegawai Kanan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

2. Merancang dan membuat pertimbangan dalam semua aspek tugas di Bahagian dimana ia ditempatkan.

3. Mengawal dan memimpin pegawai dan kakitangan di Bahagian dimana ia ditempatkan.

4. Memastikan kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan kualiti kerja yang tinggi.

5. Menetapkan *time frame* untuk menyelesaikan kerja.

6. Membantu merancang dan mengendalikan latihan bagi pegawai dan kakitangan berkenaan.

7. Membuat penyelidikan yang berhubungkait dengan tugas.

8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**3. PENGANALISA SISTEM KANAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal komputer.

b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem atau Jurutera Sistem atau jawatan berkaitan dengan bidang komputer dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGANALISA SISTEM KANAN:

Bertanggungjawab dalam memantau dan memastikan kualiti dan prestasi Pengurusan fungsi dan perkhidmatan ICT dijalankan dengan jujur, cekap, amanah dan sempurna mengikut dasar dan amalan baik dan juga perkara-perkara seperti di bawah ini:

1. Memantau / memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan ICT dijalankan dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan.

2. Membantu Pengurus Sistem dalam mengurus fungsi dan perkhidmatan ICT dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab Pusat tersebut yang meliputi perkara-perkara seperti berikut:

a) *Customer Relationship Management* antaranya perkhidmatan *call centre*, *help desk*, *Service Level*.

b) Infrastruktur yang meliputi pembangunan, perkembangan, pemeliharaan sistem-sistem applikasi utama dan kandungan sistem maklumat lainnya.

c) Mengetuai pengendalian operasi termasuk prasarana rangkaian 24 x 7 *Operation System Administration, Networks, Security and Facilities*.

d) Membantu dalam penyediaan pelan induk bagi pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan.

e) Menganalisa keberkesanan cadangan projek-projek e-Kerajaan.

3. Menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*best practices*).

4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.

**4. PEGAWAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KANAN
JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan atau bidang bersesuaian.

b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pengurusan dalam tanggungaji B.2 EB.3 / B.2 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

d) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggungaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perkhidmatan pengurusan yang bersesuaian serta pengalaman dalam penyediaan kertas-kertas kerja yang berupa penelitian serta konsep yang berhubung dengan bidang tersebut.

3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KANAN:

1. Menyumbangkan khidmat kepakaran pengurusan kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Perkhidmatan Awam.

2. Mengembangkan serta meninggikan konsep dan teknik-teknik pengurusan moden agar dapat digunakan oleh pihak Kementerian dan Jabatan dalam Perkhidmatan Awam.

3. Membantu pegawai-pegawai yang terlibat di dalam pentadbiran di semua Kementerian/Jabatan dalam Perkhidmatan Awam (apabila diperlukan) dalam memenuhi tanggungjawab masing-masing dalam usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan tahap keberkesanan dan kecekapan mereka sama ada dengan cara memperbaiki dan memperbaharui organisasi, sistem tatacara, perancangan, pengurusan dan seterusnya pengambilan tindakan/perlaksanaan.

4. Terlibat dalam tiap-tiap pengendalian dalam apa jua aspek pengurusan dan pekerjaan yang melibatkan dasar dalam Perkhidmatan Awam dan seterusnya mengemukakan penyelesaian bagi masalah-masalah yang berbangkit bagi dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

5. Memastikan keseragaman dan pengeluaran dalam peraturan-peraturan yang ada dan seterusnya keberkesanannya dalam perkembangan sains pengurusan dan Perkhidmatan Awam.

6. Bertanggungjawab di dalam merancang dan menyelaras semua kerja-kerja atau projek-projek yang di bawah tanggungjawab kumpulan itu dikendalikan.

7. Memberi tunjuk ajar dan membimbing pegawai-pegawai bawahan dalam membuat/melaksanakan kerja-kerja yang diberikan.

8. Bertanggungjawab terus kepada Ketua Pegawai Perkhidmatan Pengurusan dalam segala hal yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

PEMBERITAHUAN:

1. Penggunaan Borang SPA/2

23. Tawaran-tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan Salinan Resit hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal / Pemborong dan dimasukkan kedalam **PETI TAWARAN** yang ditujukan kepada :-

Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat 1,
Bahagian Kewangan,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Menteri Besar BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh akhir mengambil borang tawaran : 7 Oktober 2013M (Hari Isnin)

Tarikh Tutup Menghantar Borang : 8 Oktober 2013M (Hari Selasa)

Sebelum Jam 2.00 Petang

24. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil Borang-Borang Tawaran:-

HARI MASA
DARI HINGGA
ISNIN HINGGA KHAMIS :

8.00 Pagi 11.00 Pagi
2.00 Petang 3.00 Petang

SABTU:

8.00 Pagi 10.00 Pagi



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak

lewat dari jam **2.00 petang**, pada hari **Selasa, 8 Oktober 2013**.

JPt/TAW/16/2013-2014: MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJA NPK 15:15:15 SEBANYAK 18,635 BEG (50KG/BEG) BAGI KEGUNAAN BANTUAN INSENTIF

(Yuran Tawaran BND100.00)

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas

sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

Yuran Tawaran sebanyak **BND100.00** wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling

rendah atau sebarang tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

Semua penender dan/atau wakilnya hendaklah dimestikan hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran di atas pada **2 Oktober 2013 (hari Rabu) jam 2.00 petang (Bilik Suria) di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan**.

Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **2 Oktober 2013 (hari Rabu) jam 2.30 petang**.

Tawaran-Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti berikut:-

Website: <http://www.agriculture.gov.bn>



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
'QUOTATION NOTICE'**

**BILANGAN SEBUT HARGA / QUOTATION REFERENCE :
07/2013/KKBS/PPB/04**

(RE-QUOTATION)

**TAJUK SEBUT HARGA :
KONTRAK PENGGAL 12**

BULAN BAGI PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN BAHAN-BAHAN LATIHAN PRAKTIKAL BAGI KURSUS

KEMAHIRAN SENI KULINARI DAN BANKUET

(PROGRAM JANGKA PANJANG 9 BULAN DAN

PROGRAM JANGKA PENDEK 3 BULAN) DI PUSAT

PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**KENYATAAN SEBUT HARGA
'QUOTATION NOTICE'**

**BILANGAN SEBUT HARGA / QUOTATION REFERENCE :
08/2013/KKBS/PPB/06**

(RE-QUOTATION)

TAJUK SEBUT HARGA: KONTRAK PENGGAL 12

BULAN BAGI PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN BAHAN-BAHAN LATIHAN PRAKTIKAL BAGI KURSUS

KEMAHIRAN PASTRI DAN

KONFEKSIONARI

(PROGRAM JANGKA PANJANG 9

BULAN DAN

PROGRAM JANGKA PENDEK 3 BULAN) DI PUSAT

PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat/Pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Yuran Tawaran adalah **\$10.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang berjaya

atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam**.

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada:

PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA

Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110

Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 2 Oktober 2013.

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Selasa, 1 Oktober 2013, jam 4.00 petang**.

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan. Borang tawaran dan borang pengakuan

penender hendaklah diisikan dengan lengkap dan penuh. Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

10. Syarikat/Pemborong adalah DISARANKAN membuat lawatan ke Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu bekerja bagi mengenalpasti keperluan tawaran dan lokasi pembekalan.

11. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan ditalian 2393681 Ext. 717, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **"INSPECTION, MAINTENANCE, SERVICING, REFILLING, DELIVERY, TESTING & COMMISSIONING FM200 (FIRE SUPPRESSION SYSTEM) BAGI BANGUNAN SUB STATION 03A LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM."**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa

menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :-

"INSPECTION, MAINTENANCE, SERVICING, REFILLING, DELIVERY, TESTING & COMMISSIONING FM200 (FIRE SUPPRESSION SYSTEM) BAGI BANGUNAN SUB STATION 03A LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM."

**Bilangan Tawaran : DCA/AFS/2013/SH-07
Tarikh Tutup : 2 Oktober 2013**

Kepada : Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan BB 2513 Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada dengan **Jawatankuasa Sebut Harga tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 2 Oktober 2013**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari **Bahagian Kewangan,**

Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja dengan bayaran sebanyak **\$10.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Tel : 2330142 sambungan 1632 / 1633
Fax : 2334776

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**
**PEMBERITAHUAN TAWARAN
Supply, Delivery, Install, Testing and
Commissioning of Male and Female
Strength & Core Training Equipments
(JPA/KPA/SBH/1.4/004/2013)**
**TARIKH TUTUP: 1 Oktober 2013
(SELASA, 2.00 petang)**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Unit

Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan, Tingkat 4 Jabatan perkhidmatan Awam, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tanpa menunjukkan identiti syarikat dan dialamatkan kepada:-

**PETI
TAWARAN SEBUT HARGA**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 petang** pada hari **Selasa, 1 Oktober 2013**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Yuran tawaran (Tender Fee) berjumlah **\$10.00** bagi tiap-tiap tawaran dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana-mana syarikat atau pembekal sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja

yang ditawarkan dibatalkan. Pembayaran hendaklah dibuat di **Unit Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan, Tingkat 4 Jabatan Perkhidmatan Awam, Bangunan Suruhanjaya perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas** semasa waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN - KHAMIS & SABTU
8.00 PAGI - 2.00 PETANG**

6. Kerajaan dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.


KEMENTERIAN PERTAHANAN
No. Tawaran : JPPK/LTN/07/2013(A)
**Tajuk Tawaran :
THREE YEARS TERM CONTRACT
FOR MAINTENANCE AND REPAIR OF
FIRE SERVICES INSTALLATION AND
STANDBY GENERATOR SET FOR
MILITARY ESTABLISHMENT WITHIN
TUTONG DISTRICT**
**Bayaran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)
Kelas : IV KE ATAS**
Kategori : P01, P05, E01 & E02
**Tempoh Penyiapan :
TIGA (3) TAHUN**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah di-

masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa 8 Oktober 2013**.

Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada **4 OKTOBER 2013, hari Jumaat, jam 4.00 petang**.

b. Bayaran Tawaran, 'Tender Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok

'D', Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN
ISNIN - KHAMIS :**
8.00 pagi - 3.00 petang
JUMAAT :
**8.00 - 10.30 pagi
2.30 - 3.00 petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bon-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar

dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bon-fide tender) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.


**JABATAN PERBEKALAN DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**
**BILANGAN TAWARAN: JPSN/8/1.2013 (1)
"THE DESIGN, SUPPLY AND
INSTALLATION OF SECURITY
SURVEILLANCE SYSTEM
AT STATE STORE COMPLEX GADONG"**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.

2. Syarikat-syarikat yang berminat hendaklah membuat pembayaran bagi yuran tawaran berjumlah **\$30.00** dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran daripada:

**KAUNTER PEMBAYARAN
TINGKAT BAWAH, JABATAN
PERBEKALAN DAN STOR NEGARA
JALAN GADONG BE 1110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada **SETIAP HARI ISNIN HINGGA HARI KHAMIS DARI JAM 8.00 PAGI HINGGA JAM 11.00 PAGI SAHAJA**.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: JPSN/8/1.2013 (1)
**"THE DESIGN, SUPPLY AND
INSTALLATION OF SECURITY
SURVEILLANCE SYSTEM
AT STATE STORE COMPLEX
GADONG"**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA
TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara yang disediakan di Ruang Lobi, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam **2.00 petang, hari Isnin, 30 September 2013**.

5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.


**JABATAN ALAM SEKITAR & TAMAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**DI BUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KELAS II & III**

Tarikh Buka Tawaran pada : 24 September 2013 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada : **8 Oktober 2013 (Selesa) Sebelum Jam : 2.00 petang**

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam).

**JASTRE / BTR / T016 / 2013
TREE CUTTING AND TREE PRUNING /
TRIMMING AT BRUNEI MUARA DISTRICT
FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR TERM CONTRACT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
NO. PROJEK : JASTRE / BTR / T016 / 2013
JUMLAH YURAN TAWARAN :
B\$ 30.00 (Non Refundable)
TARIKH UNTUK DIKLANKAN :
23hb, 25hb & 28hb September 2013

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
**BIL. TAWARAN :
(1) JBS/ TDR/BPE/UP/53/2013**

Tawaran-tawaran diterima oleh :
**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kebudayaan,**

**Belia dan Sukan,
Tingkat 1, (Ruang Masuk
/ Penyambut Tetamu),
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1211**

Negara Brunei Darussalam
Tajuk:
**"UPGRADING WORKS TO
ROOFING SYSTEM TO STADIUM
NEGARA HASSANAL BOLKIAH"**
Cagaran :
**\$200.00 (untuk setiap tender dokumen -
tidak dikembalikan)**
**Tarikh Tutup Tawaran :
1 Oktober 2013 (Selasa)**
Jam: Tidak lewat jam 2.00 petang

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari (**Unit Pemeliharaan, Kompleks Sukan Tennis, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah**). Manakala bayaran yuran tawaran bolehlah dijelaskan di **Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Sim-pang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam** dari jam **8.00 pagi hingga 11.30 pagi** pada setiap hari bekerja, sementara hari Sabtu dari jam **9.00 pagi hingga 10.30 pagi**.

Awangku Amirul Umara johan Peraduan Seni Lukis

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU, Khamis, 26 September. - Awangku Amirul Umara bin Pengiran Zainin dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah muncul sebagai johan Peraduan Seni Lukis Potret Guru Sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 Tahun 2013 selepas mengalahkan 49 peserta yang lain.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Nurazmina@Amalina binti Abdul Rahman dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan tempat ketiga dimenangi oleh Muhd. Safwan bin Ahman dari Pusat Tingkatan Enam Katok (PTEK).

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah peraduan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna PTEK, di sini.

Sementara itu, Awang Johary bin Haji Mohammad yang mewakili Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali muncul sebagai johan dalam Kategori Peraduan Mereka Cipta Trofi Sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 Tahun 2013 selepas menewaskan lima peserta yang lain.

Juga menerima hadiah pada majlis itu ialah pemenang bagi Pertandingan Video Kreatif Sempena Sambutan Hari Guru Ke-23 2013 iaitu dalam Kategori Advertorial dimenangi oleh Sekolah Menengah Awang Semaun manakala Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan menjuarai dalam Kategori Kreatif.

Peraduan Seni Lukis Potret Hari Guru dikelolakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengetua-pengetua Kluster 6 dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dengan

dibahagikan kepada dua kategori iaitu pelajar-pelajar, pra universiti dan Kategori Guru-guru.

Dalam peraduan ini, sebanyak 10 buah lukisan terbaik bagi setiap kategori telah dipamerkan di sudut galeri seni semasa Sambutan Hari Guru Ke-23 yang lalu.

Manakala Peraduan Mereka Cipta Trofi pula dianjurkan oleh JSS selaku Jawatankuasa Hadiah dan Cenderamata Hari Guru dengan membukakan penyertaan kepada semua guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam dan tenaga pengajar yang berkhidmat di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Trofi tersebut adalah khas bagi penerima Anugerah Penghargaan Khas Hari Guru (special mention).

Sementara Pertandingan Video Kreatif yang dibahagikan kepada dua kategori dianjurkan bersama oleh JSS dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.



TETAMU Kehormat Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang Kategori Melukis Potret Hari Guru iaitu Awangku Amirul Umara bin Pengiran Zainin dari Maktab Duli Pengiran Muda Al Muhtadee Billah.

Sekolah Rendah Amar Pahlawan johan Pertandingan Pembahas Muda



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim menyampaikan piala kemenangan Pertandingan Bahas Muda Kali Ke-2 Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan 1434 Hijriah / 2013 Masihi kepada pelajar Sekolah Rendah Amar Pahlawan selaku johan pertandingan.

Berita dan Foto :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 September. - Tiga pelajar dari Sekolah Rendah Amar Pahlawan yang menjadi pasukan penyanggah berjaya menaikkan nama sekolah tersebut selepas menjadi johan pada Pertandingan Akhir Pembahas Muda Kali Ke-2 Bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan 1434 Hijriah/2013 Masihi selepas mengalahkan Sekolah Rendah Dato Marsal yang menjadi pasukan pencadang dengan kiraan 5-0 yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis sekali gus menyampaikan hadiah pertandingan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, Awang Haji Suhaila dalam ucapannya berkata pertandingan seumpama ini adalah sebagai pemangkin dan suntikan semangat bagi murid-murid untuk terus berusaha dan meningkatkan kemahiran dalam berbahas dan berhujah sesuai dengan tajuk perbahasan yang dibawakan.

Aktiviti seumpama ini jelasnya sudah diterima sebagai satu landasan bagi menggerakkan murid-murid untuk belajar ke arah meningkatkan keupayaan

minda berfikir sakali gus membantu pertumbuhan minda dan otak yang sihat, menanamkan semangat daya saing yang sihat, sifat kepimpinan, yakin diri dan seterusnya dapat menajana peningkatan kemampuan berinteraksi, bercakap, berhujah dan melontarkan idea secara berkesan khususnya bersama rakan-rakan, guru, khalayak dan masyarakat.

Pertandingan ini tambahna, adalah bertujuan melahirkan murid-murid apabila dewasa akan terbina sahsiah mereka yang mulia, keperibadian yang teguh berpegang kepada nilai-nilai murni dengan sikap dan perangai yang terpuji dengan kata lain mempunyai akhlak mulia sebagai insan kamil.

Beliau menambah usaha yang dibuat oleh Bahagian Kaunseling dan Kerjaya ini melibatkan penyertaan pelajar-pelajar rendah peringkat awal lagi adalah satu usaha yang amat dialu-alukan bagi mendekatkan dan mendedahkan mereka dengan pelbagai pengalaman dan kemahiran yang pada kelazimannya diperkenalkan apabila pelajar-pelajar ini berada di peringkat menengah seperti pertandingan bahas.

Terangnya usaha mencapai pembinaan sahsiah diharap melalui peraduan-peraduan serupa ia hanya boleh dianggap usaha melepas batuk di tangga sahaja untuk mengasuh, membimbing dan melatih murid-murid agar memiliki akhlak dan peribadi yang

mulia.

Oleh itu tegasnya, sahsiah yang cukup kuat dan teguh dalam segala segi memerlukan usaha mendidik yang bersungguh-sungguh dengan dedikasi tanpa mengenal jemu sehingga setiap individu pelajar diketahui kerenahnya dan keperluannya untuk dapat dimotivasi dan dirangsang minat mereka serta menjadi patuh pada apa sahaja yang diajarkan.

Kita yang berkecimpung sebagai guru tekannya, secara langsung diharap akan dapat melahirkan anak didik sebagai insan yang seimbang, pertumbuhan dan perkembangannya dari segi mental, sikap, emosi dan sosial.

Beliau berharap pertandingan seumpama ini akan dapat diteruskan, dikembangkan dan disesuaikan mengikut peredaran semasa untuk membentuk warga pelajar yang holistik dalam semua bidang pendidikan secara menyeluruh dengan mengambil kira kesesuaian tajuk perbahasan, ruang lingkup tema pertandingan dan peluang pelajar-pelajar menyediakan dan menghuraikan hujah dan isi secara spontan dan berkumpulan dan guru pula bertindak sebagai pembimbing.

Pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif Bahagian Kaunseling dan Kerjaya Jabatan Sekolah-Sekolah dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei untuk mencungkil bakat murid dan seterusnya memperkembangkan potensi murid ke arah yang lebih cemerlang dan dinamik.

Tema pertandingan iaitu 'Ibu Bapa Cemerlang Anak Gemilang' antara lain dihasratkan untuk menggalakkan pelajar-pelajar bercakap secara spontan dengan mengemukakan idea atau penalaran secara akademik dan tidak bergantung kepada skrip yang sudah sedia formal.

Selain itu pertandingan ini juga untuk merapatkan hubungan muhibah dan berinteraksi di antara pelajar-pelajar untuk bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan.

Pertandingan yang bermula sejak Jun lalu disertai oleh seramai 108 murid dari Tahun 4 hingga 6 mewakili 27 buah sekolah rendah kerajaan seluruh negara.

Penghakiman peraduan bercucul rumah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 September. - Lebih 20 pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Kementerian Perhubungan membuat penghakiman ke rumah-rumah peserta Pertandingan Bercucul Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 bagi Daerah Brunei dan Muara, bagi memilih calon pemenang.

Terdahulu, para hakim mengadakan penghakiman bagi Kategori Rumah Kediaman Kampung Ayer, diikuti dengan Kategori Rumah Kediaman Kampung di Darat dan seterusnya Kategori Mukim/Kampung.

Seramai enam peserta menyertai Kategori Rumah Kediaman di Kampung Ayer, sementara Kategori Rumah Kediaman Kampung di Darat menerima lima penyertaan dan tiga penyertaan menyertai Kategori Mukim/Kampung.

Peserta-peserta bagi Kategori Rumah Kediaman di Kampung Ayer terdiri daripada Awang Apong bin Haji Tuah dan Awang Abdul Rahman bin Haji Tuah di Kampung Burong Pinggai Ayer; Awang Idris bin Haji Yassin di Kampung Sungai Asam, Mukim Burong Pinggai Ayer; Awangku Suhaimey bin Pengiran Haji Ibrahim di Kampung Pekilong Muara; Awang Haji Mohidi bin Pengarah Haji Basi di Kampung Sungai Lampai; dan Awang Haji Mohammad bin Haji Saibun di Kampung Setia 'A'.

Manakala para peserta bagi Kategori Rumah Kediaman Kampung Darat terdiri daripada Awang Haji Mohidi bin Pengarah Haji Basi di Kampung Perpindahan Lambak Kanan; Awang Haji Sohaili bin Haji Mohidi di Rancangan Perumahan Negara, Kampung Meragang; Wan Hosli bin Wan Duli di Kampung Tanah Jambu; usaha sama antara Dayang Hajah Siti Samsiah binti Haji Mohidi, Dayang Hajah Nurhayati binti Haji Mohid, Awang Adi Lai Fazilah, Awang

Mohd. Khairul Ridhwan dan Awang Mohamad Khaizuran Muqri di STKRJ, Kampung Tungku, Gadong; dan usaha sama antara Dayang Hajah Maswirah binti Haji Mohidi, Dayang Hajah Maslailawati binti Haji Mohidi, Awang Mohd. Nur Salahudin dan Awang Muhd. Faiz Hafizuddin di Kampung Tanah Jambu.

Sementara Kategori Mukim/Kampung disertai oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Omar dari MPK Burong Pingai Ayer; Awang Haji Bujang bin Sabtu dari MPK Mentiri dan Awang Mohamad bin Haji Kabon dari MPK Kawasan Dua, Kampung Rimba.

Pertandingan tersebut merupakan salah satu acara perayaan bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-67 Tahun, di samping sebagai tanda kasih yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang dikasihi.

Ciri-ciri penilaian bagi setiap penyertaan terdiri daripada aspek reka bentuk, kreativiti hiasan lampu, penggunaan peralatan cepak tenaga dan keselamatan.

Semua reka bentuk yang dipertandingkan hendaklah menunjukkan ciri-ciri kebruneian dan menggambarkan Pembangunan dan Perkembangan Sosio-ekonomi Negara.

Cucul dipasang bermula 13 September hingga 30 September 2013 yang mana kesemua peserta dikehendaki menyalakan lampu-lampu cucul pada sepanjang tempoh pertandingan iaitu mulai pukul 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam.

Markah akan dipotong jika sekiranya didapati membuat penyambungan/pendawaian tidak melalui meter elektrik rumah/bangunan.

Hadiah wang tunai, piala iringan dan sijil penyertaan bagi pemenang akan diumumkan pada 30 September depan pada Majlis Penyampaian Hadiah yang akan diadakan pada tempat dan masa yang akan dimaklumkan kemudian.



PARA hakim yang dilantik membuat penghakiman ke atas salah satu rumah peserta yang menyertai kategori bercucul di Kampung Ayer.

Rataie Villa 'B' johan Pertandingan Sepak Takraw

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 23 September. - Pasukan Rataie Villa 'B' muncul johan bagi Kategori Regu Bebas pada Pertandingan Sepak Takraw sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-67 Tahun peringkat Daerah Temburong setelah menewaskan Pasukan Tanjung Bungar 'B' dengan kiraan markah 16 - 14, 15 - 8 sekali gus menempatkan pasukan lawannya di tempat kedua.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat berlangung di

Gelanggang Luar, Kompleks Sukan Temburong, Mukim Batu Apoi, di sini.

Manakala Pasukan Seguntur Alam terpaksa akur dengan hanya menduduki tempat ketiga dalam kategori tersebut.

Sementara itu, dalam Kategori Double Regu dimenangi oleh Pasukan Rataie Villa 'A', Pasukan Seguntur Alam di tempat kedua, manakala Pasukan Temburong United di tempat ketiga.

Kategori Regu Veteran pula, Pasukan Old Star memenangi kategori berkenaan diikuti dengan Pasukan Batu Bejarah di tempat kedua dan Pasukan Tim 73 di tempat ketiga.

Dalam Pertandingan Sepak Takraw kali ini, Awang Khairul Asyraf bin Bagol dipilih

sebagai pemain terbaik kejohanan.

Selain bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, perlawanan yang disertai oleh sebanyak 32 buah pasukan itu akan dapat menjadi pendorong kepada para pemain sepak takraw di daerah berkenaan untuk lebih giat berlatih bagi mencapai hala tuju yang lebih terarah.

PERLAWANAN antara Pasukan Rataie Villa 'B' (jeri oren) menentang Pasukan Tanjung Bungar 'B' (jeri hijau) semasa Perlawanan Akhir Sepak Takraw sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke - 67 Tahun.



MSSS 'A' menang selesa menentang MSSS 'B'



PRESIDEN Persatuan Sepak Takraw PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Lela Jasa Haji Abas menyampaikan piala dan hadiah kepada pengurus pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah 'A' yang muncul juara pada kejohanan tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 September. - Pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSSS) 'A' dinobatkan sebagai johan setelah mengalahkan Pasukan MSSS 'B' pada Perlawanan Akhir Kejohanan Sepak Takraw Regu Belia Kebangsaan bawah 20 tahun kali ke-2.

Pada perlawanan akhir yang diadakan di Dewan Menglait Gadong di sini, Pasukan MSSS 'A' menang selesa setelah menundukkan pasukan lawan dengan hanya dua set

perlawanan, dengan kiraan 17-15 dan 15-8.

Pasukan MSSS 'A' terdiri daripada Abdul Wazi sebagai Tekong, Abdul Muiz (apit kanan) dan Mohd. Hazim (apit kiri) manakala Pasukan MSSS 'B' menurunkan pemainnya iaitu Ak. Mohd. Rafiuddin (Tekong), Mohd. Aizudin (apit kanan) dan Syahirul Nizam (apit kiri).

Terdahulu, pada perlawanan separuh akhir, Pasukan BIPA tewas kepada MSSS 'A' yang menang selesa 'straight set' dengan kiraan, 15-10, 15-9 dan

15-7, sekali gus melayakkan ke pusingan akhir kejohanan.

Sementara itu, Pasukan MSSS 'B' yang menentang Pasukan Temburong berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir setelah menang dengan bermain empat 'set' dengan kiraan 15-11, 15-9, 10-15 dan 15-9.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kejohanan ialah Presiden Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU), Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Lela Jasa Haji Abas.

Pemenang tempat ketiga dimenangi bersama oleh Pasukan BIPA dan Pasukan Temburong.

Kejohanan yang dianjurkan oleh PESTABARU dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) itu bermula sejak 13 September 2013 yang lalu dan disertai oleh lapan buah pasukan.

Kejohanan dibahagikan kepada dua kumpulan di mana Kumpulan A terdiri daripada Pasukan MSSS 'A', Pasukan Laksamana, Pasukan Temburong dan Pasukan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, manakala Kumpulan B disertai oleh Pasukan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Pasukan MSSS 'B', Pasukan BIPA dan Pasukan Kuala Lurah.

Antara lain, kejohanan bertujuan untuk memberikan

Kementerian Kesihatan menang tipis 3-2

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 September. - Pasukan Kementerian Kesihatan berjaya menundukkan pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan jaringan tipis 3-2 dalam Kejohanan Bolasepak Piala Keputeraan 2013 Antara Kementerian - kementerian Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Dengan kekalahan tersebut memaksa pasukan JPM untuk beraksi lebih gigih lagi di perlawanan seterusnya jika mahu berada di kedudukan

selesa dan seterusnya mara ke peringkat selanjutnya.

Walaupun jurang permainan antara kedua pasukan tidak terlalu jauh bezanya namun kesilapan sedikit membawa padah kepada pasukan.

Pasukan JPM yang ketinggalan 1-0 selepas didahului pada minit ke-12 setelah rembatan Pg. Hasanul Bahrin gagal diselamatkan oleh Md. Faisal namun empat minit kemudian Md. Syarafuddin menjadi penyelamat pasukan JPM apabila berjaya menyamakan kedudukan.

Dengan kedudukan seimbang permainan sebaliknya menjadikan pasukan JPM semakin tertekan selepas melakukan beberapa penggantian pemain sekalipun tiada sebarang gol dapat dicetak antara kedua pasukan hingga

masa rehat separuh masa pertama.

Walau bagaimanapun, pasukan JPM bangkit lebih bertenaga di separuh masa kedua tampak lebih banyak menguasai permainan namun kesilapan di bahagian pertahanan bagai menjadi satu hukuman selepas Ediruslan berjaya menjaringkan dua gol untuk pasukan Kementerian Kesihatan dalam masa empat minit iaitu pada minit 82 dan 85 untuk menjadikan kedudukan 3-1.

Zulfadli Haji Asli berjaya merapatkan jurang dengan menghasilkan gol ke-2 JPM pada masa tambahan selepas 90 minit permainan berlalu namun usaha tersebut sudah berada di penghujung perlawanan.

Dalam perlawanan dalam Kumpulan B pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama berjaya menundukkan pasukan Kementerian Pertahanan dengan jaringan 4-0 di Kompleks Sukan Berakas.



EDIRUSLAN menyempurnakan tandukan sekaligus menewaskan penjaga gol, Md. Faisal untuk jaringan ke 3 pasukan Kementerian Kesihatan.



SALAH satu aksi perlawanan akhir antara pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSSS) 'A' dan MSSS 'B' yang berkesudahan 2-0.

peluang kepada para belia untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan berfaedah, selain mengelakkan mereka daripada gejala-gejala sosial yang boleh merugikan diri

mereka dan negara pada amnya.

Sementara itu, Persatuan PESTABARU juga akan mengadakan Kejohanan Sepak Takraw Inter-Regu sempena

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun yang dijangka akan bermula pada awal bulan Oktober depan.

NBD sokong Palestin memiliki negara sendiri



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda di Perhimpunan Agung Sesi Ke-68 PBB. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Dari muka 1

Meskipun Matlamat Pembangunan Milenium memberikan pilihan dan peluang kepada setiap negara ahli untuk membangun mengikut cara mereka sendiri dan melibatkan rakyat dalam pembangunan tersebut, malah selepas 2015, namun tegas DYT, pilihan terbuka kepada mana-mana rakyat seperti rakyat Palestin adalah sangat terhad apabila hak asasi mereka untuk menentukan nasib sendiri dinafikan.

DYT juga turut menyuarakan kebimbangan terhadap keadaan di Syria yang bertambah teruk dan Negara Brunei Darussalam bersama masyarakat antarabangsa mengecam penggunaan senjata kimia yang telah menyebabkan banyak kematian di negara tersebut.

DYT juga menyatakan sokongan terhadap segala usaha, khususnya oleh PBB dalam mencari penyelesaian secara aman terhadap krisis ini dan mengalu-alukan Rangka Kerja Amerika Syarikat-Rusia bagi Penghapusan Senjata Kimia Syria dan resolusi Majlis Keselamatan PBB mengenai Syria yang baru saja diluluskan.

Berangkat meninggalkan New York



DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama putera dan puteri DYT menadah tangan ketika doa selamat dibacakan. Juga kelihatan ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah.

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan

di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, berangkat meninggalkan New York setelah berangkat menghadiri Sesi Ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Duli Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Sesi Ke-68 Perhimpunan Agung PBB selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan di Ibu Pejabat PBB, New York. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Pengiran

Laporan :
Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Masri Osman
dari New York,
Amerika Syarikat

Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muncerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman di New York, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Emran bin Haji Kunchang.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy di New York bagi menyebarkan selamat berangkat ialah Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB di New York, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail, dan Datin serta pegawai-pegawai dari Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di New York.

Waktu perkhidmatan 'Shuttle Bus' dilanjutkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 September. - Perkhidmatan 'Shuttle Bus' yang mula beroperasi sejak 2 April 2011 dari letak kereta kawasan luar Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dari jam 6 pagi hingga 6 petang setiap hari kecuali hari Jumaat dan

Ahad serta Hari-hari Kelepasan Awam akan dilanjutkan masanya hingga jam 11 malam bermula 1 Oktober 2013 ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital RIPAS, Awang Haji Muhd. Jamal bin Haji Tersad menyatakan perkara itu pada Sidang Media di Bilik Persidangan Pentadbiran, Tingkat 1, hospital berkenaan, di sini.

Perkhidmatan 'Shuttle Bus' tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai dalam memberi kemudahan pengangkutan alternatif ke Hospital RIPAS dan pada masa yang sama membantu mengurangkan kesukaran bagi mendapatkan letak kereta dan kesesakan lalu lintas.

Beliau menambah bahawa perkhidmatan lanjutan itu adalah usaha berterusan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas dan kekurangan letak kereta akibat dari penutupan letak kereta berhadapan

Blok 1 dan 2 Hospital RIPAS di mana kerja-kerja yang berkaitan dengan Projek Blok Perempuan dan Kanak-Kanak sedang dijalankan.

"Pada masa ini, ada empat buah bas telah disediakan bagi perkhidmatan 'Shuttle Bus' di mana dua bas nanti akan disediakan pada jam 6 petang hingga 9 malam manakala dua buah bas lagi dari jam 9 malam hingga 11 malam yang akan beroperasi secara berterusan atau pada bila-bila masa jika bas tersebut sudah penuh dengan penumpang," ujarnya.

Seperti perkhidmatan yang ada pada masa ini, perkhidmatan lanjutan tersebut disediakan secara percuma.

Di samping itu, bagi memastikan keselamatan pada waktu perkhidmatan lanjutan tersebut, pihak hospital akan menempatkan pengawal - pengawal Keselamatan di kawasan letak kereta di luar Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong selain mengadakan rondaan berkala dari masa ke semasa

oleh pihak Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL).

"Pada kesempatan ini, pihak hospital ingin memaklumkan kepada orang ramai yang masih perlu membawa kenderaan mereka ke Hospital RIPAS, tempat penurunan dan pengambilan penumpang yang baru bagi kenderaan persendirian telah disediakan di Kawasan Blok 3 dan Koperasi BKSS selain tempat-tempat penurunan dan pengambilan yang sedia ada di Bahagian Pesakit Luar, di Blok Pakar dan Blok 5," terangnya.

Dalam pada itu, pihak Hospital RIPAS menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama serta sokongan padu kepada inisiatif perkhidmatan 'Shuttle Bus' yang telah disediakan dan perkhidmatan lanjutan itu nanti adalah untuk kemudahan biskita dan pada masa yang sama ia akan dapat membantu menjimatkan masa kerana kesukaran mendapatkan letak kereta dan kesesakan lalu lintas yang dihadapi dari masa ke semasa.

Beberapa jalan utama akan ditutup sementara

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Jabatan Siasatan & Kawalan Lalu Lintas ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya para pengguna jalan raya bahawa beberapa jalan utama akan ditutup buat sementara waktu bagi menjayakan sesi latihan Raptai Penuh (Dry Run) menjelang berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-23 pada bulan Oktober ini.

Sehubungan itu, sesi Raptai Penuh bagi Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-23 ini akan dilakukan pada hari Isnin, 30 September 2013 bermula jam 7 malam hingga 8 malam dan pada hari Selasa, 1 Oktober 2013 bermula jam 7 malam hingga 8.30 malam.

Jalan-jalan yang akan ditutup untuk lalu lintas orang ramai khususnya para pengguna jalan raya ialah :

- Lebuhraya Tutong-Muara menghala ke Empire Hotel & Country Club.
- Beberapa Jalan Gadong bermula daripada lampu isyarat simpang tiga, Jalan Gadong menuju ke Jalan Perdana Menteri.
- Lebuhraya Tungk Link menghala ke Jalan Estate Gadong.
- Lebuhraya Hassanil Bolkiah menghala ke jambatan Pejabat-pe-

jabat Kerajaan.

• Sepanjang Jalan Perdana Menteri menuju ke Stadium Negara Hassanil Bolkiah, Berakas.

• Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas menuju ke pusat keliling Jalan Serusop & Jalan Utama Berakas.

• Jalan Delima Dua menghala ke Jalan Perdana Menteri.

• Jalan Stadium.

Penutupan ini hanya akan berlangsung dalam masa satu jam 30 minit dan akan kembali semula dibuka kepada orang ramai selepas latihan Raptai Penuh berakhir.

Untuk itu, orang ramai adalah dinasihatkan khususnya para pengguna jalan raya agar menggunakan beberapa jalan alternatif jika perlu untuk pergi ke destinasi-destinasi masing-masing seperti Jalan Tutong, Jalan Kebangsaan, Jalan Muara, Jalan Sengkuring, Jalan Jerudong, Jalan Mulaut, Jalan Batu Satu, Jalan Utama Berakas dan Jalan Sungai Akar.

Sehubungan itu juga, para pengguna adalah diharapkan agar mematuhi arahan dan memberi kerjasama kepada ahli anggota Polis yang bertugas di samping dinasihatkan untuk bersabar dan bertimbang rasa kepada pengguna jalan raya yang lain.



KETUA Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Awang Haji Mohd. Jamal bin Haji Tersad semasa memberi penerangan pada Sidang Media di Hospital RIPAS.

SIKAP BENTUK PEMANDU LEBIH BERHEMAH

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.